

Volume II
No. 32



Saturday
4th December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 4733]

BILL:

The Supply Bill, 1966—

Schedule:

Heads S. 21 and S. 22 [Col. 4734]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)
Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Saturday, 4th December, 1965

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

The Honourable ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TUNGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

- The Honourable ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

The Honourable ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).

„ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

House accordingly immediately resolved itself into Committee of Supply.

EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

Debate resumed.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House at its rising at 1 p.m. today shall stand adjourned to the next sitting day.

The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman Ya'kub): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House at its rising at 1 p.m. today shall stand adjourned to the next sitting day.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

THE SUPPLY BILL, 1966

Order read for resumed consideration of the Supply Bill, 1966 in Committee of Supply.

Heads S. 21 and S. 22—

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya berchakap pada pagi ini, sebab berkali² saya hendak berchakap sa-malam, tidak dapat. Saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu berkenaan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok. Masa dia beruchap sa-malam, saya tidak ada di-Dewan ini, saya berada di-tempat berehat di-luar, jadi saya mendengar yang beliau itu ada berkata yang Tunku Abdul Rahman Putra itu sudah nyanyok. Ini saya sangat dukacita.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya tidak ada mengatakan Perdana Menteri itu nyanyok, barangkali saya tidak kata itu.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Saya mendengar yang beliau itu berkata Perdana Menteri sudah nyanyok. Ini saya sangat dukachita.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kita boleh pasang tape-recorder. Dia hendak create satu commotion pagi² ini.

Mr Chairman: Dia sangkakan perkara yang macham itu (*Ketawa*).

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Dewan ini ia-lah satu Dewan yang mulia yang saya perchaya Yang Berhormat yang telah di-pileh tentu-lah daripada orang yang terpelajar sabanyak sedikit. Perchakapan yang sa-macham itu sangat mendukachitakan dan menyusahkan hati saya. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat tentu-lah bersama² saya memikirkan ucapan yang sa-macham itu sangat tidak molek di-keluarkan di-sini. Di-sini kita tahu-lah harga sa-saorang itu, keperibadian sa-orang itu, 'ilmu sa-orang itu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya ta' tahu apa yang di-chakapkan pagi ini. Di-bawah butir mana?

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Apa yang di-katakan tadi, Tuan Pengerusi?

Mr Chairman: Pertanyaan dia itu. hendak berchakap di-atas butir mana?

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Menteri Luar.

Mr Chairman: Menteri Luar—betul-lah, Menteri Luar.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Jadi, saya beri tahu-lah kepada Dewan ini, patut-lah kita bersama² menghormati undang²—tata tertib Dewan ini. Dan saya selalu tengok pehak Pembangkang, terutama sa-kali, satu daripada-nya Ahli daripada Bachok, selalu mengecham peribadi Ahli² yang lain. Saya tidak pernah dan saya tidak suka, sebab saya tahu yang patut kita bahathkan ia-itu hal-ehwal negara kita dan ra'ayat kita, untuk memajukan, membaiki kedudukan negara kita.

Tetapi bukan-lah mengechil²kan, sa-umpama-nya, sa-bagaimana Perdana Menteri kita, sa-orang penganjor yang di-gelarkan Bapa Kemerdekaan, dihormati oleh segala lapisan ra'ayat jelata dalam negara kita khas-nya, dan seluruh dunia 'am-nya. Jadi, ucapan yang sa-macham ini sangat memalukan, sa-kali keluar daripada sa-orang yang sa-bangsa dengan kita. Kita ta' hendak-lah menjadi pelawak di-sini. Kalau beliau betul² hendak jadi pelawak, masuk sahaja bangsawan, saya fikir boleh dapat banyak gaji di-situ—bukan-lah di-bawa di-sini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta bagi penjelasan, kalau Ahli Yang Berhormat itu gentleman, dia bagi jalan pada saya.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Saya ta' benarkan. Tetapi, pendek kata, saya minta-lah beliau itu tarek balek-lah perchakapan itu supaya jangan di-buat lagi sa-kali yang sa-macham ini, dan bila² masa pun. Saya berharap supaya kita semua menghormati untuk apa² juga yang kita binchangkan di-sini, ia-lah perkara negara kita, bangsa kita dan ugama kita.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, oleh kerana Ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Saya tahu beliau itu asal-nya datang daripada Perlis, tidak laku di-Perlis sana, pergi ka-Kelantan—Kelantan ta' chukup orang, ambil-lah dia sa-bagai wakil ra'ayat. Kalau dia betul² orang yang baik, tentu-lah Perlis hendakkan dia. Perlis kekurangan orang.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, Ahli daripada Bachok itu sudah menidakkan dia berkata macham itu. Jadi, bila dia sudah, saya harap

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Minta ma'af-lah, Tuan Pengerusi. Ini sahaja-lah saya beri penerangan. Terima kaseh. (*Ketawa*).

Tuan Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya

suka hendak berchakap dalam S. 22—Urusan Haji. Saya menyokong tambahan perbelanjaan peruntukan sebanyak \$55,501 lebih daripada peruntukan tahun 1965. Di-sini, saya perchaya, dengan tambahan yang diminta oleh Pejabat Urusan Haji ini ia-lah membaiki lagi Perkhidmatan Urusan Haji di-Mekah. Apa yang saya hendak chakap dalam OCAR ia-itu Pechahan-kepala 4, ia-itu Sewa Perumahan. Saya perchaya, perumahan yang saya hendak chakap ini ia-lah untuk perumahan tempat rumah sakit di-Mekah. Tempat rumah sakit di-Mekah itu, saya dapati ia-lah amat kecil. Dan juga kadang² apabila bakal² haji dirawat di-rumah sakit itu, sangat-lah sempit dan sangat-lah tidak memuaskan, oleh sebab tempat itu jauh daripada tempat penumpang² mereka. Jadi, saya berharap kepada Pejabat ini, akan menyewa lagi rumah sakit yang besar di-Mekah.

Dan lagi berkenaan dengan perkhidmatan pegawai² di-rumah sakit ini, saya sukachita mendengar-nya ia-itu, pada tahun yang akan datang, ia-itu pada tahun 1966, pegawai² akan di-tambah lagi. Tetapi apa yang saya suka hendak berchakap di-sini ia-lah berkenaan dengan elaun pegawai² yang bertugas di-Mekah. Patut-lah elaun pegawai² yang bertugas di-Mekah ini, di-rumah sakit, di-beri sa-rupa seperti pegawai² yang bertugas di-dalam External Affairs di-pejabat² di-luar negeri, ia-itu apa yang mereka bekerja itu ada-lah lebih susah, sebab mereka 24 jam akan memberi perkhidmatan-nya kepada bakal² haji.

Dan juga dalam Perbelanjaan Khas, ia-itu perkakas dan kelengkapan bilek sakit, ia-itu Pechahan-kepala 7—di-untokan \$4,800. Saya fikir ini tidak-lah menchukupi, oleh sebab yang ada perkakas di-bilek sakit itu, seperti katil terlampau sangat tidak menchukupi. Sebab, pada tahun yang sudah, saya telah pergi ka-Mekah, saya dapati 40 katil sahaja ada di-situ. Terpaksa-lah doktor yang bertugas di-situ mengeluarkan orang² sakit yang belum lagi sembuh, supaya dapat dimasokkan orang² sakit yang lain. Jadi, nampak-nya, sebab tidak chukup katil,

maka terpaksa-lah mereka itu berbuat demikian.

Saya berharap pada tahun ini bertambah orang yang akan menunaikan haji, bertambah tahun ini. Saya harap bilangan katil di-rumah sakit di-Mekah itu di-tambahkan lagi sebanyak 60 buah katil. Dan di-sini juga, saya dapati ia-itu 5 orang driver akan di-adakan di-Mekah untuk membawa segala van. Saya dapati juga di-sana, sunggoh pun tahun yang sudah ada tiga driver, tetapi tahun ini—tahun yang akan datang ini, kita tambahkan sampai lima. Jadi ini pun saya fikir tidak menchukupi, oleh sebab banyak juga orang² yang sakit pada malam hari, tidak dapat mendapat van, ambulan, oleh sebab banyak sangat orang yang sakit berkehendakkan ambulan. Jadi saya perchaya ini pun pada tahun hadapan, tahun 1967, harap-lah di-ambil perhatian dan di-tambahkan lagi driver ini.

Dan juga saya suka juga berchakap berkenaan dengan Pejabat Urusan Haji sekarang di-Tanah Melayu ini. Saya tidak nampak perlu-nya Pejabat Urusan Haji di-adakan di-Pulau Pinang oleh sebab Pejabat² Persekutuan semua-nya ada di-Kuala Lumpur. Jadi saya tidak nampak apa sebab-nya Pejabat Urusan Haji ini di-khaskan di-Pulau Pinang. Jadi kita tahu dahulu Immigration Department ia-itu Ibu Pejabat Immigration ada-lah di-Pulau Pinang, sekarang ini telah pun di-pindah di-Kuala Lumpur. Jadi saya berharap Kerajaan akan mengambil chadangan saya ini supaya Ibu Pejabat Urusan Haji ini di-pindahkan di-Kuala Lumpur.

Jadi itu-lah sebab-nya saya berchakap berkenaan dengan perkara ini. Saya chukup menyokong di-atas peruntukan bagi tahun yang akan datang ia-itu tahun 1966 yang telah bertambah peruntukan-nya ini. Dan saya berharap juga yang Sub-head No. 8 ia-itu berkenaan dengan Kursus Tata Tertib Ra'ayat sa-banyak \$2,000 ini, saya tidak tahu-lah bagaimana hendak membuat Kursus Tata Tertib Ra'ayat dengan sa-banyak belanja \$2,000. Saya perchaya kursus ini untuk hendak memberi pelajaran kepada

wakil² kita atau pun kepada Bakal² Haji yang hendak naik Haji ka-Mekah. Jadi jikalau hendak belajarkan kerana Bakal² Haji pergi ka-Mekah, maka saya meniadakan supaya Pejabat Urusan Haji ini mengadakan satu filem ia-itu filem bagaimana bakal haji daripada mula-nya dia hendak berniat menunaikan haji-nya daripada kampung, bagaimana dia mendapat passport, bagaimana dia hendak mendaftarkan nama-nya, bagaimana dia hendak pergi naik kapal sampai ka-Mekah, sampai dia menunaikan haji, sampai dia balek. Itu boleh lagi memberi kesan kepada bakal² haji yang akan datang. Jadi sungguhpun saya perchaya hendak membuat sa-buah filem itu perbelanjaan-nya lebeh banyak, tetapi ini akan berguna memberi faedah lagi kepada bakal² haji yang akan datang.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh, Tuan Pengerusi, kerana mengizinkan saya berchakap. Saya hendak berchakap berkenaan dengan peruntokan kepada Kementerian Luar Negeri yang ada di-sebut di-sini adalah \$13 juta lebeh dan lebeh peruntokan ini daripada tahun yang telah sudah sa-banyak \$247,583. Rasa saya ada-lah perkara ini bagus, baik-lah. Tetapi, Tuan Pengerusi, pernah saya berchakap di-dalam Dewan ini pada tahun yang sudah berkenaan dengan hal yang bersangkutan paut dengan kapal haji, dan saya akan sebut pula pada hari ini dalam Dewan ini. Saya rasa banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini telah pun di-rayu hal oleh ra'ayat² di-dalam negeri ini. Saya sendiri, saya dapati ra'ayat di-dalam kawasan saya bagitu juga di-luar kawasan, dengan talipon, dengan surat, dengan berchakap mulut, minta saya menyampaikan kepada Dewan ini, keadaan peratoran kapal haji pergi ka-Mekah.

Tuan Pengerusi, telah pun saya sebut pada tahun yang sudah, pada masa belum peperangan—kali yang kedua saya sebutkan—ada-lah peratoran kapal pergi ka-Mekah itu, sa-belum daripada puasa, satu bulan sa-tengah. Tetapi tidak-lah saya hendak

mengikuti bagaimana peratoran itu. Kemudian sa-sudah Kerajaan Perikatan menjalankan pemerentahan dalam negeri ini, ada-lah kapal haji tahun yang lewat yang sudah dahulu, dua hari puasa atau pun tiga hari puasa, maka kapal itu belayar. Tetapi tahun² yang sudah, yang baharu ini, lepas puasa baharu-lah kapal itu bertolak—kapal pertama. Maka ini ada-lah mendukachitakan kepada ra'ayat jelata dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, sa-benar-nya, saya hendak sebut dalam Dewan ini berkenaan dengan kapal haji yang pergi ka-Mekah ini ada-lah kapal untuk orang yang beragama Islam yang mereka itu hendak menunaikan fardhu Haji dan dapat-lah di-tunaikan dengan peratoran yang telah di-buat. Tetapi, Tuan Pengerusi, tidak-lah menchukupi dan tidak-lah boleh di-katakan perkara itu chukup benar dan chantek bagaimana peratoran yang tersebut. Tuan Pengerusi, kalau-lah boleh, tetapi saya rasa dalam Dewan ini banyak lagi orang yang menyokong di-atas perkara yang sa-macham ini, hendak ada-lah sa-buah kapal untuk buat peringatan, sa-belum daripada puasa, umpama-nya, tiga hari hendak puasa, kapal sudah sampai ka-Judah, dapat-lah bakal² haji itu menunaikan fardhu puasa di-Mekah.

Tuan Pengerusi, sa-benar-nya, pehak Kementerian ini tolong-lah ambil berat perkara yang sa-macham ini, sa-kali pun kita tidak beri wang ringgit kepada mereka hendak pergi haji, tetapi kita beri masa yang mereka itu dapat menunaikan perkara² yang bersangkutan paut dengan hal ugama Islam di-dalam negeri Mekah maka ke-untungan dapat kepada orang itu dan dapat Menteri bersama.

Tuan Pengerusi, kelebehan puasa di-Mekah, kalau-lah dapat satu hari kita puasa di-Mekah mengikut riwayat hadith²—tetapi ada-lah riwayat² itu berlainan²—satu hari yang kita puasa di-Mekah, pahla-nya macham mana 100 ribu hari puasa di-tempat lain. Ini, Tuan Pengerusi, yang selalu saya dudok membesarkan dalam Dewan ini dan bagitu-lah ramai, saya rasa, di-antara wakil² yang ada di-dalam Dewan ini telah di-rayu hal oleh

ra'ayat jelata di-dalam negeri ini. Jadi berapa-kah kalau satu bulan yang kita dapat berpuasa dalam negeri Mekah—berkat-lah. Rasa saya kalau budak² sekolah darjah enam, tidak dapat hendak mengumpulkan kehasilan yang dapat itu. Ini ada-lah keuntongan kapada ra'ayat jelata di-dalam negeri ini dan tidak kerugian sedikit pun kapada Menteri² memperuntukkan kapal yang sa-macham ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang di-bahagikan kapada Menteri ini sudah pun tahun ini di-bahagi lebeh, tetapi tahun yang sudah saya sudah bagi tahu kapada Dewan ini, tetapi ada diantara Menteri² itu menjawab mengatakan perkara ini akan di-kaji. Sudah sampai satu tahun ta' dapat di-kaji lagi perkara yang sa-macham ini? Ini amat-lah mendukachita, bukan-lah mendukachitakan kerana kapal itu kapada saya tetapi mendukachitakan ra'ayat jelata di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, bagi perkara yang bersangkutan paut dengan hal haji ini, kira-nya kalau-lah sa-saorang dapat pergi ka-Mekah dalam bulan puasa dapat-lah pula mereka itu menunaikan umrah di-dalam bulan puasa. Mengikut riwayat² hadith, satu umrah yang kita buat di-dalam puasa itu bersamaan dengan satu haji besar-nya. Jadi kalau-lah sa-buah kapal yang kita lepaskan sa-belum daripada bulan puasa ini yang ra'ayat jelata lebeh kurang dalam 2,000 umpama-nya atau 1,700 dapat berhijrah di-sana, dapat beramal ibadah dalam negeri Mekah, alang-kah bagus-nya. Ini-lah, Tuan Pengerusi, saya rasa kalau-lah pehak Menteri yang bersangkutan paut itu mengambil berat di-atas apa pun yang benar yang bersangkutan dengan-nya maka tidak akan tertinggal sa-hingga sampai satu tahun habis satu tahun. Saya rasa pehak Menteri yang berkenaan itu akan jawab pula kapada saya yang saya sebut itu dan saya tidak berkehendak kapada jawab. Saya tidak, tujuan saya untuk menjawab dengan mulut, tetapi saya minta kapada Menteri Yang Berhormat dan akan di-minta pula di-antara wakil² yang lain di-dalam Dewan ini dengan perbuatan erti-nya di-tunaikan sa-kurang²nya sa-buah kapal sa-belum

daripada puasa. Dalam perkara ini memang saya sudah sebut banyak kali, ta' usah-lah kita pandang kapada itu dan ini apa sahaja chakap yang di-chakapkan itu betul, maka di-ikuti. Ini-lah dalam segi Islam dan perkara itu kira-nya kalau tidak betul, walau pun orang satu gulungan, sa-kedudukan satu pergerakan dengan kita tetapi kena-lah di-tepis dan kena-lah di-buangkan perkara yang sa-macham itu. Sa-lagi pehak Kerajaan tidak memikirkan perkara sa-macham ini, maka sa-lama itu-lah ra'ayat jelata di-dalam negeri ini tidak chukup puas hati.

Tuan Pengerusi, saya rasa kalau saya hendak berchakap dalam masa-alah kapal belayar ka-Mekah sa-belum daripada bulan puasa, maka mengikut dalam segi Islam, kapal² itu tidak ada lagi kemudian daripada puasa, bahkan terus sa-belum daripada puasa, tetapi, Tuan Pengerusi, tidak-lah sa-macham itu. Kalau-lah di-habiskan pelayaran-nya sa-belum daripada puasa, maka ketinggalan pula orang² yang hendak pergi ka-Mekah yang ta' dapat pergi sa-belum daripada puasa, kerana manusia ini banyak-lah chara²-nya.

Tuan Pengerusi, saya minta lagi sa-kali, saya rayu hal-lah kapada Dewan ini, kapada pehak Menteri, tolong jangan di-jawab mengatakan takut jadi kerugian wang ringgit kapada anak negeri ini, tolong tidak usah di-jawab perkara yang sa-macham ini, sebab perkara yang sa-macham ini anak negeri yang hendak pergi ka-Mekah itu ada-lah orang yang chukup siuman dan dalam segi Islam, kita sudah tahu chara² yang sa-macham itu, yang hendak pergi ka-Mekah itu tidak ada satu orang pun lain daripada orang² yang beragama Islam, walau pun dengan apa rupa yang hendak pergi manusia yang ada itu, tetapi orang yang beragama Islam. Maka ini-lah tugas ugama Islam. Jadi dengan sebab itu, rasa saya, tidak-lah saya hendak menyebut panjang lebar lagi dengan kerana rasa lemah fikiran saya. Banyak ra'ayat jelata pergi ber-jumpa dengan saya, kalau tidak, tidak juga saya bagitu sa-kali mengambil untuk hendak berchakap di-dalam Dewan ini, tetapi dengan kerana

desakan untuk anak² dalam negeri, talipon pun waktu saya ada dudok di-sini itu berulang-alek—tolong-lah chakap dalam Dewan ini perkara yang sa-macham ini dan kata orang yang berchakap dalam talipon itu akan disokong orang² lain di-dalam Dewan ini, mudah²an kapal tahun ini dapat pergi awal sadikit, walau pun tidak dapat belum puasa, tetapi dapat sa-paroh puasa di-Mekah. Ini chakap² talipon yang kebanyakan sampai kapada saya. Jadi itu-lah hasrat ra'ayat untuk saya menyampaikan kapada Dewan ini dan saya minta-lah Menteri yang bersangkutan paut itu tolong-lah ambil ingat perkara yang sa-macham ini, jangan ingat sahaja tetapi ta' buat—dari satu tahun, katsu tahun. Sekian.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan

(Raub): Dato' Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sadikit di-dalam perbahathan berkenaan dengan hal ehwal luar negeri, bagaimana dalam muka surat 250 ia-itu Pegawai Urusan Haji. Pendapat sahabat saya, Yang Berhormat daripada Parit tadi, saya sangat bersetuju di-atas chadangan itu supaya pejabat ini di-pindahkan ka-Kuala Lumpur, kerana di-dapati Kuala Lumpur ini ada-lah pusat segala tadbir di-dalam negara kita Malaysia ini. Jadi sa-bagai menggantikan tempat Pejabat Pegawai Urusan Haji yang ada di-Pulau Pinang itu, saya suka mengambil perhatian kapada Butiran (3) dalam muka surat itu juga—Pegawai Haji Persekutuan di-Singapura patut di-pindahkan pejabat itu ka-Pulau Pinang. Kerana pada pendapat saya, kita pada masa sekarang telah ada pelabohan negara kita sendiri ia-itu Port Swettenham dan Pulau Pinang, sa-patut-nya kita galakkan orang² di-Tanah Melayu ini naik kapal haji itu biar-lah di-Port Swettenham, atau pun di-Pulau Pinang, sebab-nya mengikut hal keadaan sekarang, naik kapal haji di-Singapura itu tidak lagi mustahak terutama pula Singapura sudah keluar daripada negara Malaysia ini.

Yang ketiga-nya, berkenaan dengan pendapat sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bahru Hulu tadi, saya sangat menyokong di-atas pen-

dapat-nya itu, sebab semenjak saya dudok dalam Dewan ini, saya dapati Ahli Yang Berhormat dari Kota Bahru Hulu itu, jikalau perkara yang tidak benar, dia tidak pernah berchakap. Perkara yang benar baharu dia berchakap. Itu saya beri sa-tinggi² kepujian kapada Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bahru Hulu itu. Jadi-nya segala pandangan-nya berkenaan dengan elok-nya bagi menunaikan fardhu haji ka-Mekah sa-belum bulan puasa itu, rasa saya pendapat dia itu, patut Kerajaan mengambil berat dengan sa-berat²-nya. Itu-lah pendapat saya, saya tidak hendak sambong lagi.

Berkenaan dengan muka surat 251, Sub-head (8)—Kursus Tata Ra'ayat, bagaimana pendapat sahabat saya daripada Parit tadi di-buat satu filem bagaimana mula²-nya menghantar permohonan hendak naik haji, dan sampai sudah kita menunaikan fardhu haji dan balek ka-tanah ayer kita ini. Tetapi saya suka hendak menambah sadikit daripada pendapat sahabat saya tadi itu. Kebanyakan orang² yang pergi naik haji itu, sa-bulan lagi hendak pergi ka-haji, baharu masa itu-lah dia hendak belajar berkenaan dengan bagaimana menyempurnakan rukun² haji. Saya minta Pejabat Urusan Haji ini, menggesa tiap² Kerajaan Negeri memerentahkan guru² ugama yang ada di-dalam kampong, mengajar atau pun menghafadz do'a² yang patut di-bacha masa menunaikan haji itu, dan saya dengar apabila orang² yang sa-macham ini, apabila mereka itu sampai ka-Mekah, terpaksa mengikut apa kata orang² yang membawa mereka itu ka-tempat² mengerjakan haji itu. Teringat saya satu cerita, sa-orang sahabat saya, saya tidak sebutkan nama-nya dalam Dewan ini, dia telah pergi ka-England balek itu sampai-lah musim haji, maka berhajatlah dia hendak menunaikan fardhu haji, maka bila sampai ka-Jedah, dia Inggeris. Jadi, sunggoh pun kalau ada chari kitab bahasa Arab tidak ada, kerana sudah kehujongan sangat, jumpa kitab bahasa orang puteh, maka terpaksa-lah dia membacha do'a² bila sampai tempat itu, dalam bahasa Inggeris. Jadi, sunggoh pun kalau ada niat, yang sa-betul niat, di-terima oleh Tuhan amalan kita itu. Dan lagi kita

sa-bagai orang Melayu yang berugama Islam patut-lah do'a² itu di-bacha dalam bahasa Arab.

Saya suka hendak bertanya kepada Kementerian ini tentang Perbelanjaan Urusan Haji di-Pechahan-kepala 2, muka 251. Saya dapat tahu ia-itu ada Pegawai² Kebajikan yang di-hantar bersama² pergi mengikuti kapal² yang belayar ka-Mekah. Saya hendak tahu apa-kah sa-benar-nya tugas Pegawai Kebajikan itu pergi bersama². Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Hamzah bin Alang (Kapar): Tuan Pengerusi, saya dengar daripada pehak kawan saya sa-belah sana tadi mengatakan apa tugas Pegawai Kebajikan dalam kapal ini. Yang sa-benar-nya tugas itu berat kalau hendak buat kerja, kalau tidak buat kerja atas darat pun tidak boleh buat kerja. Jadi Pegawai Kebajikan dalam kapal ini, yang saya sudah pergi, baharu 6 bulan balek ka-sini—bau² haji ada lagi sadikit. Kerja kita ia-lah menjaga kebajikan juma'ah² haji. Kalau kapal Kuala Lumpur itu 2,000 orang, kita kena jaga kebajikan mereka dalam kapal itu sakit-pening hendak kena hantar tengok doktor, tiap² pukul 10.00 pagi kita melawat ka-semua petak dalam kapal itu, tanya apa sakit, ada-kah orang ubat, kalau tidak ada ubat, beri ubat, kadang² yang aneh-nya dalam kapal itu ada pula orang hilang isteri pun ada, hilang suami pun ada.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Ada-kah pernah Ahli Yang Berhormat itu menjadi Pegawai Kebajikan dalam kapal Haji?

Enche' Hamzah bin Alang: Baharu 6 bulan balek. Jadi, Tuan Pengerusi, kerja-nya sa-betul-nya berat, kadang² kita kena jaga juga tentang makanan² yang ada di-dalam kapal itu. Apa yang di-beri kepada juma'ah² haji, kita hendak tahu juga. Itu-lah dalam jaga punya jaga, pada satu hari saya terpaksa tengok orang mengadu banyak, kata makan tidak cukup. Jadi, pada satu hari, pagi² lepas sembahyang suboh, saya pun pergi pereksa. Orang yang hendak menimbang barang², kambing-kah, ikan-

kah, dia hendak timbang, saya kata nanti dahulu, dia hendak potong daging, potong kambing, saya kata nanti dahulu, timbang bawa balek ka-bawah. Saya dapati kambing 300 pound hendak makan 2,000 orang, ikan 90 pound ayam 13 ekor untuk First Class—200 orang lebeh. Jadi bila saya tanya Chief Cook-nya, berapa Tuan Haji pesan barang² untuk kambing kata-nya 450 pound. Apa fasal kurang? Dia kata kadang² lebeh, kadang² cukup. Macham mana pula lebeh, kadang² kurang. Jadi keadaan itu hendak semua kita jaga-lah. Jadi, pegawai kebajikan ini susah—yang sakit, hilang suami, hilang isteri, kerana dalam kapal itu berpetak², dia naik ka-atas, tidak tahu turun ka-bawah, bukan hilang fasal apa (*Ketawa*) dia termasuk silap bilek, kerana sa-rupa sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit fasal kapal haji *Kuala Lumpur* ini. Saya minta ma'af-lah, saya fikir kita dapat baiki kapal haji *Kuala Lumpur* ini memang sudah tua—tua kata orang, Second World War punya kapal dahulu—First World War dahulu. Jadi di-bikin, di-sapu chat, sapu bedak chantek² jadi kapal haji. Habis² kuat dia lari 13½—14½ knot. Saya kata tidak kuat-kah lagi, dia kata sudah tua kata Captain itu, mana boleh lari kuat², nanti terbuka satu² kipas-nya (*Ketawa*). Ya ta' ya juga! Jadi masalah kapal ini, Tuan Pengerusi, kita sudah merdeka ini, saya fikir kita hendak sewa kapal yang baik pun boleh, hendak beli baharu pun boleh, kalau ada duit, tetapi peruntukan-nya sadikit sahaja. Jadi lambat sampai . . .

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Berkenaan dengan kipas longgar itu, Kementerian Pengangkutan ada satu bahagian yang di-katakan Surveyor-General memeriksa semua kapal². Jadi sa-kira-nya kapal², sama ada kapal haji atau kapal apa juga, tidak mene-pati bagaimana peratoran² keselamatan di-laut, dia tidak di-benarkan belayar. Jadi, saya perchaya kapal *Kuala Lumpur* ini dia punya kipas ta' ada longgar atau hendak terchabut (*Ketawa*).

Enche' Hamzah bin Alang: Terima kaseh. Kapal ini, bila hendak belayar, kena pereksa dahulu, kalau tidak pass dia tidak pass dia tidak boleh belayar. Tetapi saya, bila hendak pergi, kena berhenti dalam kapal pukul 12.00 malam, orang ta' tahu dia berhenti, injin rosak kata orang² kapal itu, hendak balek pun kena berhenti tengah malam, pukul 1.00 orang semua tidor, dia berhenti, jalan satu injin. Apa fasal lambat biasa-nya kita dapat 324 batu satu hari satu malam, maka besok tinggal 312 batu apa fasal? Kata-nya, malam tadi berhenti satu jam, injin rosak sa-belah. Jadi ia-lah saya fikir bila hendak jalan pereksa juga tetapi tengah jalan, malang tidak berbau, siapa hendak chakap, kerana ia-lah orang tua ini macham²-lah (*Ketawa*). Apa yang saya fikirkan, Tuan Pengerusi, kalau kapal ini ada satu jangka, ada satu peruntukan yang kita buat yang kita hendak tukar kapal ini, boleh juga. Jadi, chara-nya yang lebeh baik, saya rasa, kerana kita lambat sampai ka-Mekah itu 14 hari 14 malam dalam kapal. Jadi kalau dia kuat lari sampai 15 knot, 16 knot atau 17 knot, 9 hari atau 10 hari boleh sampai. Di-sebabkan sampai itu terlalu lama orang banyak mabok. Nasib baik-lah kapal yang pergi dahulu Laut Scutra itu tidak begitu besar ombak-nya, jadi orang tidak banyak mabok, walau bagaimana pun banyak juga orang mabok.

Jadi, berhubung dengan pegawai² di-dalam kapal ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian yang di-bekalkan oleh Kerajaan kita pegawai² dalam kapal ini, yang saya tahu, dua orang Pegawai Kebajikan, sa-orang Pegawai U gama yang ada dalam kapal itu. Saya suka mengshor-kan Pegawai U gama itu, biar-lah sa-orang Pegawai U gama yang mahir, yang tahu selok-belok hendak pergi menunaikan fardhu haji ini. Jadi, ustaz juga, umpama-nya, ustaz pondok itu, pondok ini, belajar 12-13 tahun, tetapi hendak pergi ka-haji ini bukan soal teori, tetapi soal perekktikal, bagaimana hendak membelit kain ihram, bagaimana hendak tawaf, bagaimana hendak sa'i, yang Pegawai U gama itu tidak pernah pergi haji sa-kali pun haram, yang dia jadi pegawai, dia

boleh lepas Universiti Azhar, tetapi dia tidak pernah pergi haji, susah juga, dia menyebut sahaja boleh, tetapi membuat kerja itu susah. Sebab saya kata begitu, Tuan Pengerusi, masa saya dalam kapal itu, terpaksa satu hari 3 jam, 4 jam di-adakan pelajaran ugama. Pelajaran ugama yang saya maksudkan bagaimana chara hendak melilet kain ihram, sa-belah mana yang di-buka bahu, bahu sa-belah mana yang hendak mengadap Baitullah, apa yang di-bacha—di-situ itu yang paling mustahak sa-kali. Sebab semua orang yang hendak pergi haji itu, maksud dan niat dia itu hendak pergi haji, tetapi perekktik-nya di-sana dia tidak pernah buat.

Jadi, saya fikir biar-lah orang yang sudah biasa pergi haji, tahu dia itu, bukan saya minta lagi sa-kali—tidak—yang tahu selok-belok menjadi pegawai ugama di-dalam kapal haji.

Yang kedua-nya, di-dalam kapal ini juga saya fikir harus kita adakan bilal, bukan bilal sembahyang—tidak—bilal sembahyang banyak dalam kapal—semua-nya yang hendak pergi itu, semua bakal haji, tetapi bilal orang mati, Tuan Pengerusi, kerana saya fikir ini soal fardhu kifayah juga, kerana orang mati hendak kita ke-bumikan, hendak kita kapankan. Masa saya balek dalam kapal, lapar orang telah mati. Jadi, hendak minta talkinkan orang ini, hendak minta mengkapankan orang ini, siapa orang? Pegawai yang di-khaskan oleh Kerajaan, tidak ada! Jadi, terpaksa-lah kita meminta siapa² yang mengerti—laki², perempuan², dengan sukanya datang, nasib baik ada yang mengerti. Kalau tidak mengerti, kita bungkuskan perchuma sahaja. Ini pun satu soal fardhu kifayah yang harus kita fikirkan masaalah ini dengan sa-baik²-nya. Kalau dapat di-beri sa-orang pegawai, atau pun elaud dia, kita berikan dia pergi haji bilal-nya, satu orang laki² dan sa-orang perempuan.

Jadi, berhubung dengan kita sampai ka-Mekah. Di-Mekah, bila sampai ka-Jedah, kapal saya itu ada 2,118 orang, begitu-lah lebeh kurang. Bila sampai di-sana, turun-lah dua tangga ini, turun naik lori—boh hantar pergi

sana. Jadi, yang saya maksudkan ini, Tuan Pengerusi, Pegawai Kebajikan di-tanah suchi mesti kita adakan. Itu-lah sebab-nya kalau kita dengar Yang Berhormat wakil dari Parit dahulu bila balek mengatakan kita hendak contact orang² kita pun susah. Yang di-Pertuan Agong datang, hendak panggil orang kita, tidak ada. Macham mana hendak buat. Pegawai² yang berkenaan untuk menchari orang² ini, tidak ada. Bila sampai ka-sana—Kau hal kau, aku hal aku. Dalam kapal itu ada 2,000 orang, saya chuma jumpa dua orang sa-lama tiga bulan—itu pun nasib baik, satu Sheikh, kalau lain Sheikh, pakai ta' berjumpa. Saya tengok lain² negeri, Tuan Pengerusi, lain² negeri saya tanya macham mana, dia kata, orang ada. Tiap² 400 orang, ada satu pegawai, tiap² 500 orang ada satu pegawai, yang menjaga jema'ah² haji itu bila sampai ka-Mekah. Jadi, mudah²an kita ada juga pegawai² yang di-kirim—di-kirim tiga orang pegawai penerangan, tetapi entah apa tugas yang di-buat-nya di-sana wallah hu a'alam, ta' saya tahu!

Sa-lain daripada itu ada-lah pegawai² daripada rombongan perubatan kita ini 33 orang dan beberapa orang yang lain.

Jadi, kalau datang satu² hal, orang itu sakit di-sana, atau mati meninggal—hendak mengadu—chuma ada sa-orang pegawai kita di-tanah suchi itu yang di-untokkan menjaga sabanyak 5,000 orang jema'ah haji tahun yang lalu. Jadi, ada lebeh baik, saya fikir, kalau dapat kita membuat pegawai² ini ta' usah-lah kata 400 orang terlalu luas, terlalu banyak, orang nanti pun hendak pergi free. Jadi, kalau buat 1,000 orang pun satu pegawai menjaga keadaan orang itu, siapa sakit di-tanya tiap² dari kampong itu, umpama-nya Kampong Shamiah, kampong apa nama-nya, satu orang di-dudokkan pegawai di-sini, boleh kita buat dengan kita susunkan dengan chara demikian. Jadi, orang² kita itu tidak ada-lah bila sampai sana, kapada siapa yang hendak di-jumpa. Jadi, saya waktu pergi dahulu, kita sudah biasa kerja sadikit di-sini, lepas itu hari² uruskan orang sakit, hari² pergi

hospital, sa-sudah-nya saya juga jadi Attendant Hospital di-Mekah, kerana kekurangan orang. Walau pun itu bukan kerja kita, tetapi apa boleh buat sa-chara sukarela.

Tuan Pengerusi, tentang keadaan perubatan kita di-Mekah ini, saya bila sampai ka-Jedah, saya tengok tempat itu tidak sesuai, sebab negara kita ini sudah merdeka, jadi kalau dapat di-perbaiki tempat itu lagi, kalau dapat di-perbaiki-lah, kalau tidak dapat, apa boleh buat. Hospital kita, saya fikir, terlalu kechil, chukup kechil, sampai Yang di-Pertuan Agong hendak masuk dahulu pun, ada juga sa-tengah² pegawai kata ta' usah-lah bawa dia kata, tetapi doctor kita suroh bawa, biar-lah dia tahu tempat kita kechil, untong² kita dapat sewa yang besar. Jadi, bawa juga, sempit² kawan itu masuk juga-lah. Jadi, Tuan Pengerusi, tentang hospital kita ini, kalau dapat, kita sewa yang besar buat tempat sakit, atau katil yang lebeh banyak. Sekarang ini chuma ada 20 sahaja tahun yang sudah, sedangkan orang, bila mula² sampai, banyak yang sakit, atau pun balek daripada Madinah, banyak yang sakit, apa lagi kalau balek Arfah, makin banyak orang sakit. kadang² kita terpaksa buboh di-dalam satu bilek sampai tujuh lapan orang, dudok Second Class pun ada juga. Makan tidak kita beri. Kita tengok lain² Kerajaan, bila masuk hospital, makan ada di-beri. Ini makan tidak ada. Ini kerana kita kurang belanja, ta' tahu-lah, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya fikir, Tuan Pengerusi, tentang perbelanjaan Jemaah Haji kita ini berhubung dengan Urusan Haji ini, ada satu masaal, saya fikir sa-bagaimana kawan² saya berchakap tadi yang di-bawa oleh Ahli dari Raub mengatakan ada kurang dalam bahasa Arab. Tetapi saya fikir. Tuan Pengerusi, itu tidak betul, kalau hendak beli kitab² dalam bahasa Arab sampai ta' terbeli, sampai habis duit, ta' boleh habis, chuma kadang² kita tidak tahu bacha, tidak tahu ma'ana. Tentang hendak menyampaikan perkataan kapada Tuhan ini, saya fikir, Tuhan, berchakap China pun dia tahu, dia terima, bukan sahaja chakap orang puteh dia

terima—apa juga chakap—sebab saya tengok di-haji itu bila orang sampai ka-Makam Rasulullah, dia berdo'a chara dia, kalau China Kwantung, berdo'a chara China, orang itu berdo'a macham itu, jadi sampai juga. Tetapi saya fikir itu tidak menjadi soal-lah, chuma apa pendapat saya dalam masalaah urusan haji ini, kita sekarang ada satu Tabong Perbadanan Haji yang menuju ka-arrah itu. Jadi, apa-lah salah-nya, saya rasa, kalau kita pindahkan perkara ini dan di-berikan tugas kepada Perbadanan Haji yang kita bentok sa-chara economic, kita buat sekarang ini hanya mengumpul duit di-dalam Tabong Perbadanan Haji itu, chuma orang pergi tahun ini yang saya tahu 200 orang yang melalui Perbadanan Haji ini, sedangkan 5,000 orang lagi melalui ikut masing². Jadi tidak-lah ada satu atoran kepada negara kita yang merdeka ini—ada yang ikut sana, ada yang ikut sini. Jadi, saya berpendapat kalau benar² kita hendak memberi tugas ini kepada Tabong Perbadanan Haji ini, saya fikir sudah-lah sampai masa-nya kalau dahulu kita tubuhkan Tabong Perbadanan Haji itu dengan maksud untuk mengambil alih pada satu masa nanti, ini saya fikir, masa-nya itu sudah-lah sampai memberi peluang sa-chara ekonomi, menjalankan Tabong Perbadanan Haji ini mengambil alih urusan Jema'ah Haji. Saya fikir kalau banyak orang² kita yang masok, 5,000—7,000 orang, umpama-nya, tahun ini yang hendak pergi, tiap² sa-orang kurang² membelanjakan sa-banyak \$2,000—kalau 7,000 orang \$14 juta. Jadi dalam \$14 juta, berapa ringgit kita boleh dapat Tabong Perbadanan Haji ini dan sa-chara beransor² Tabong Perbadanan Haji ini—jangka panjang 5 tahun, 10 tahun, dapat kita buat satu peruntokan membeli kapal sendiri yang tidak payah kita sewa kapal *Kuala Lumpur*, *Kapal Angking* dan sa-bagai-nya tidak payah lagi saya fikir. Jadi itu-lah, kalau dapat-lah perkara ini di-timbangkan sa-mula kedudukan ini untuk kebaikan jema'ah² haji kita pada masa hadapan.

Chuma satu lagi dalam kapal ini, Tuan Pengerusi, saya nampak ada sa-

ramai 49 orang anak² Melayu yang bekerja di-dalam kapal itu, tetapi yang berpangkat, tidak ada. Chuma kelasi sahaja, tukang masak, tukang angkat nasi. Jadi saya nampak ada dua orang daripada Singapura, Cadet-Belajar. Jadi nama-nya kapal haji *Kuala Lumpur* orang Singapura dapat nama, dapat menggunakan itu, orang² dia di-beri berlateh. Jadi saya fikir dalam masalaah kita telah berpisah ini, ada baik-nya kalau orang² yang bekerja itu diambil daripada kakitangan kita sendiri di-sini, kita berikan latehan, sebab kita hendak pergi haji ini bukan sa-tahun sahaja, bukan 5 tahun, sa-lama ada Ka'abah itu di-sana, sa-lama itu-lah, kalau hendak di-pindahkan ka-Kuala Lumpur saya tidak tahu-lah. Jadi jangka panjang kalau kita train orang² kita jadi Captain, jadi Pilot, jadi apa lagi, saya fikir boleh, sebab masa-nya lama bukan sa-tahun dua. Jadi jangka 10 tahun, orang kita satu jadi Captain, orang kita satu jadi ini. Ini tidak ada sa-orang langsung pegawai² Melayu yang ada dalam itu yang sa-tahu saya, chuma tiga orang lebeh kurang dalam itu—entah apa nama dia saya tidak tahu—pegawai² Melayu 3 orang, dialah yang menguruskan, turun naik orang, orang hendak buat apa, dia-lah membuat-nya. Jadi yang sa-benar-nya tidak ada—di-panggil Malay Bursar—saya pun tidak tahu. No. 1, 2, 3—tiga orang sahaja. Orang² ini pula kadang² berchakap banyak tidak boleh, bila sampai balek ka-sini, kena berhenti. Sebab saya katakan demikian, Tuan Pengerusi, bila hendak menurunkan mayat, hendak mengkebumikan mayat dalam laut, saya nampak yang menarek tali dan melepaskan tali itu semua bukan orang² Islam. Saya protest, saya katakan ini tidak boleh, yang saya mahu orang² Islam sendiri yang menarek tali itu melepaskan kerana sa-kurang²-nya dia bacha Bismillah. Kata Captain itu: "13 tahun aku sudah bekerja di-sini tidak pernah tukar² orang, mana boleh!" Saya bilang. "Itu 13 tahun orang punya fasal, ini saya punya fasal." Jadi Bursar Melayu itu pun lawan-lah, dapat-lah. Jadi saya panggil semua orang kapal turun naik kita sendiri—8 orang mati, bukan

sadikit. Jadi itu pun, saya rasa, perubahan² itu dapat kita buat, jika sa-kira-nya benar² kita dapat memikirkan bagaimana yang saya katakan tadi, bahawa Perbadanan Haji ini di-serahkan untuk di-ambil alih oleh Tabong Perbadanan Haji yang sedang menuju ka-arrah itu. Terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya suka hendak champor mengambil bahagian dalam perbahathan berkenaan dengan perkara Urusan Haji ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan muka 251—Perbelanjaan Urusan Haji, mengikut pendapat dan perbahathan yang telah di-huraikan di-dalam Dewan ini, banyak-lah di-antara-nya telah berpendapat bahawa Jema'ah² Haji yang pergi ka-Mekah di-sana, kedudukan-nya tidak begitu memuaskan. Ini ia-lah di-sebabkan, Tuan Pengerusi, saya berpendapat, kerana kedudukan Jema'ah² Haji yang datang daripada Malaysia ini ka-Mekah sana, dudok bertaboran di-merata² mengikut Sheikh² Haji yang di-suka² oleh masing² dan ini juga-lah yang menyebabkan kesusahan bagi pehak wakil kita yang ada di-Mekah sana untuk memberi apa² pertolongan, untuk menemui mereka ini, untuk memberi apa² nasihat yang patut, sama ada sakit atau pun sehat.

Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat berhubung dengan soal ini, satu chara yang sangat baik, saya fikirkan untuk mengatasi soal ini, kalau boleh, supaya Sheikh² Haji yang bakal menerima Jema'ah Haji daripada Malaysia ini dapat ditunjukkan oleh Kerajaan sendiri dan Kerajaan dapat mencharikan Sheikh² Haji yang baik, jujor, yang betul² bekerja untuk kebajikan Jema'ah Haji ini dan mengambil upahan yang berpatutan daripada Jema'ah² Haji. Jadi dengan chara ini, sa-lain daripada keselamatan, Jema'ah² Haji yang datang daripada Malaysia ini dapat di-kawal, juga kita akan dapat menempatkan Jema'ah² Haji ini di-situ tempat yang berhampiran, mithal-nya di-Arfah,

Tuan Pengerusi, atau pun di-Meena. Di-tempat² ini, lama-nya Jema'ah Haji terpaksa berhenti di-sana, kalau di-Arfah terpaksa berhenti satu malam sa-tengah, tetapi di-Meena sampai tiga malam. Kadang² Jema'ah² Haji ini tidak tahu di-mana tempat-nya Pegawai² Perubatan itu berada di-sebabkan kedudukan-nya itu jauh dan di-letakkan di-tepi² bukit yang jauh daripada tempat perubatan daripada Kerajaan kita. Jadi ini menjadikan satu kesusahan kapada Jema'ah² Haji.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kita sedia ma'alum, bahawa kebanyakan Jema'ah² Haji yang datang daripada Malaysia ini, bukan-lah daripada orang² yang cherdek pandai, tetapi yang kebanyakan-nya daripada orang² kampong, orang² yang jarang pergi keluar, sa-kali² keluar dia pergi ka-Mekah. Jadi apabila dia pergi ka-sana, dia bergaul-lah dengan berbagai² bangsa, dengan keadaan kelam-kabut, dengan keadaan yang sebok. Jadi ini selalu menjadikan Jema'ah² Haji kita itu bertambah² lagi sebok dan bertambah² lagi tidak begitu dapat berfikir panjang untuk membuat sa-suatu pekerjaan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya masok kapada Kursus Tata Ra'ayat. Kursus Tata Ra'ayat, sa-bagaimana chadangan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit tadi, saya menyokong-lah soal ini. Tetapi apa yang lebeh mustahak lagi, untuk kita memberikan kursus kapada Jema'ah Haji yang bakal pergi ka-Mekah, kursus ini boleh kita jalankan dalam masa di-kapal tetapi ini bukan berma'ana untuk menuntut ilmu haji, atau pun rukun haji di-dalam kapal ini. Itu memang sa-patut-nya-lah telah di-buat oleh bakal² haji itu sendiri sa-belum mereka pergi ka-Mekah ya'ani di-rumah terlebih dahulu dia menuntut, bagaimana doa' sharat rukun haji semua sa-kali. Tetapi apa yang mustahak di-buat di-dalam kapal ini, ia-lah chara² perjalanan sa-masa di-Mekah, membeli-belah dan juga untuk mendapatkan Pegawai² Perubatan, untuk menjalankan practical sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang

Berhormat daripada Kapar tadi dan begitu juga-lah bagi mengelakkan lintah² darat yang bermaharaja-lela di-Mekah sana. Lintah² darat ini dari orang² yang berlagak sa-bagai sheikh² haji sedangkan mereka ini tidak mempunyai apa² tugas.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, supaya benda ini lebih jelas agak-nya, supaya jangan jadi kekeliruan, bahawa Pegawai Haji yang ada dalam kapal itu memang memberi tahu terlebih dahulu nasihat, kursus, bukan sahaja berkenaan dengan ibadat berkenaan haji, tetapi supaya pertukaran wang, kesihatan dan sa-umpama-nya, semua-nya di-cheritakan di-dalam kapal itu dan kita tidak-lah dapat mengawal apa yang berlaku di-Mekah kerana itu ada-lah urusan negeri orang lain. Tetapi bagi orang² haji chukup di-berikan kursus² sa-kadar untuk dudok di-Mekah sa-lama tiga bulan, itu sahaja.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Tetapi barangkali ada juga lagi yang maseh ketinggalan kursus ini di-berikan. Kerana saya katakan begitu, lintah² darat yang terdiri daripada orang² yang berlagak sa-bagai sheikh² haji selalu sangat mengambil peluang dan kesempatan daripada Jema'ah² Haji ini. Perkara² yang tidak di-suroh oleh ugama dan perkara² boleh dikatakan mengelirukan ugama, telah dibuat oleh Jema'ah² Haji. Mithal-nya ada juga kejadian yang saya dapati, membeli kelambu Ka'abah—percha Ka'abah yang sudah burok itu di-jual oleh kakitangan Sheikh² haji itu kepada jema'ah haji dengan harga yang tinggi—5 rial, 10 rial dan kadang² kalau besar bidang kelambu Ka'abah itu sa-hingga 20 rial. Konon-nya kelambu Ka'abah itu sangat bertuah, boleh dijadikan 'azimat apabila balek ka-tanah Malaysia ini. Jadi saya perchaya kalau sa-kira-nya pegawai ini dapat memberi kursus yang sa-macham itu tentu-lah tidak terjual.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soal batu akek. Batu akek ini pun begitu juga kadang²

sampai beratus² ringgit wang Malaysia ini yang telah di-tipu oleh lintah² darat yang terdiri daripada Baduwi² di-Mekah sana. Jadi, Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang patut sangat dan mustahak sangat kita beri kursus kepada jema'ah² haji kita, kerana keperchayaan² yang sa-macham ini boleh—sa-lain daripada merosakkan ekonomi atau pun kewangan, juga—boleh jadi kalau tidak kebetulan—boleh merosakkan 'itikad.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya suka hendak membawa kepada muka 250 ia-itu Pegawai Urusan Haji di-Singapura. Ini akan di-kaji sa-mula. Saya harap di-dalam kajian ini, kalau boleh, elok di-hapuskan-lah langsung, kita gunakan di-dalam Malaysia sahaja, kerana kita telah putus dengan Singapura dan tidak begitu mustahak lagi untuk mengadakan Pegawai Urusan Haji di-sana.

Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya memberi fikiran di-atas perkara ini, tetapi walau bagaimana pun, di-dalam keseluruhan perbelanjaan dan susunan pentadbiran urusan haji, saya akui ada-lah lebih baik daripada sa-belum kita merdeka dahulu, hanya sedikit² lagi kekurangan yang patut sangat kita atasi supaya kedudukan jema'ah haji kita lebih baik daripada yang sudah². Sekian, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbincangan kita tentang Kementerian Luar Negeri ini. Biar-lah terlebih dahulu saya sentoh sedikit S. 21 dan S. 22 tentang haji. Saya tidak-lah bersetuju penoh dengan chadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kapar supaya Perbadanan Tabong Haji mengambil alih keseluruhan urusan jema'ah haji yang di-chadangkan-nya itu. Tetapi saya suka menchadangkan supaya sa-kurang²-nya, bagi permulaan, suatu chadangan di-timbangan oleh Perbadanan Tabong Haji ini tentang penubuhan sa-buah sharikat perkapalan yang di-punya oleh orang² Islam sendiri di-Malaysia ini, yang akan

membawa orang² haji daripada Malaysia ka-Mekah dan sa-balek-nya. Chara-nya bagaimana dan apa yang patut di-buat, terpulang-lah kapada penyelidekan yang akan di-jalankan. Ingat-lah satu pengajaran di-hadapan kita, jangan-lah pula kita menerima nasib Sharikat Melayu-Jerman yang telah berkubor dan terseret dengan Pengarah²-nya ka-dalam Mahkamah. Saya rasa, dengan ada-nya pakar² ekonomi dalam panel ekonomi yang ada dalam Perbadanan Tabong Haji, boleh memberi nasihat² yang baik dalam perkara ini, kerana saya nampak perkara kapal ini perkara yang pertama dahulu yang mesti kita selesaikan, sa-belum kita selesaikan perkara² yang lain. Tentang menghadapi keadaan di-Mekah, memang-lah kursus² itu perlu, tetapi bukan-lah di-buat di-dalam kapal. Kursus² itu saya shorkan, di-buat di-Malaysia ini sa-belum mereka berangkat, sama ada dengan anjoran Pejabat Daerah atau Pejabat Penerangan. Berapa kali kursus yang terang atas keadaan² daripada orang² yang ahli dalam hal ehwal di-Mekah jadi baharu-lah dapat gambaran yang agak terang dan tidak-lah kita di-sana akan menerima keadaan² yang tidak menyenangkan orang² haji sampai ka-sana.

Tuan Pengerusi, lepas itu saya suka menyentoh S. 21, muka 245 tentang Kedutaan kita di-Belgrade. Saya suka-lah memberi tahniah sa-tinggi²-nya kapada Kerajaan kita yang telah meng-ambil initiative bagi menubuhkan hubungan diplomatik dengan negeri bloc communist ini, sa-kurang²-nya membuka pintu hubungan kita pada lapangan yang baharu dan membuka beberapa bidang baharu bagi kesempatan² politik yang luas dalam per-juangan politik kita di-luar negeri. Tetapi saya suka menchadangkan, Tuan Pengerusi, bukan sa-takat membuka perhubungan diplomatik dengan Belgrade atau dengan Yugoslavia sahaja. Saya suka pehak Kerajaan kita mengambil initiative mengadakan hubungan diplomatik dengan Soviet Union sendiri, kerana Soviet Union merupakan Ketua daripada Communist Bloc—Yugoslavia ini ekor²-nya sa-haja. Dan saya rasa dalam keadaan dunia sekarang hari ini, keadaan dunia

international menghendaki kita meng-ambil sikap demikian rupa, barangkali ada banyak kebajikan-nya dalam hubungan kita di-luar negeri, kalau kita mengadakan hubungan diplomatik dengan Russia. Sa-kurang²-nya dalam keadaan dunia sekarang ini, barangkali ada tiga kuasa besar yang hendak mempengaruhi dunia ia-itu-lah Ame-rika, Russia dan negeri China dan sa-kurang²-nya dengan kita ada-nya hu-bongan dengan Amerika dan ada hubungan dengan Russia ada im-bangan-nya untuk kita menghadapi bahaya yang datang daripada China, dan ini semua sa-kali ada dalam per-hetongan ahli² dan pakar² luar negeri kita dalam Kementerian Luar Negeri dan saya merasa belum terlambat bagi kita memulakan langkah ini sa-lepas kita mengadakan, sekarang ini, hu-bongan diplomatik dengan Yugoslavia dan kita berharap akan dapat di-rasmikan tidak berapa lama lagi sa-telah kita mengadakan hubungan-nya ini sekarang ini. Dan bukan-lah ber-erti saya mengatakan kita pergi me-nyembah kapada Moscow minta ada hubungan—tidak! Kita mengadakan hubungan dengan chara yang terhormat sa-bagaimana kita telah buat dengan Yugoslavia. Sungguh pun sekarang ini barangkali jawapan pasti belum lagi dapat, tetapi dengan chara yang terhormat, dengan negara yang merdeka, dengan chara yang memelihara kehormatan dan maruah kita sa-bagai negara yang merdeka, barangkali di-sini ada banyak faedah-nya kapada kita dalam hubungan dunia international.

Perkara yang kedua, saya hendak sentoh perkara luar negeri ini, Tuan Pengerusi, ia-lah tentang soal Diplo-mat² kita yang berkhidmat di-luar negeri, dan kekurangan mereka dalam soal bahasa² asing. Perkara ini sudah beberapa kali di-perkatakan, tetapi saya suka menchadangkan satu per-kara, alang-kah baik-nya kalau dapat di-adakan sa-buah institute untuk bahasa² asing—institute for foreign languages atau sa-bagai-nya di-mana² Diplomat kita yang di-hantar keluar negeri di-lateh di-situ sa-lama 6 bulan sa-kurang²-nya untuk mengetahui sa-kurang²-nya bahasa, perchakapan pasar

hari²—apa khabar, selamat pagi, berapa harga, chantek, burok dan sa-bagainya—dua tiga patah yang mustahak² ini di-tempat negeri mereka itu berkhidmat. Saya pernah berjumpa dengan Diplomat² kita di-luar negeri; saya tidak mahu sebut di-mana tempat-nya, yang satu orang daripada negeri itu bertanya dia, apa khabar dalam bahasa negeri itu, dia tidak tahu hendak jawab, erti-nya dia tidak tahu berkata, apa khabar dalam bahasa negeri tempat dia berkhidmat. Ini satu kekurangan yang sangat besar yang ada pada Diplomat kita yang tidak—barangkali bukan semua, sa-bahagian kecil—yang tidak mengambil berat untuk belajar bahasa di-tempat dia berkhidmat. Jadi kita mengambil-lah untuk kita menjamin efficiency perkhidmatan luar negeri kita. Kalau kita dapat mengadakan institute ini di-bawah Kementerian Luar Negeri di-mana di-ajar bahasa² asing itu, adat istiadat negeri² itu yang tempat mereka itu berkhidmat juga di-ajar di-situ di-beri-lah kursus sa-lama tiga bulan-kah, enam bulan-kah, sebelum sa-sorang Diplomat itu di-hantar ka-luar negeri dan saya rasa ini akan memberi faedah yang besar kepada kecekapan perkhidmatan luar negeri kita di-luar negeri. Terima kasih.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Terima kasih kerana peluang yang di-beri kepada saya untuk berchakap sedikit mengenai S. 21—Kementerian Luar Negeri. Mengikut peruntukan yang ada di-dalam Kementerian Luar Negeri ini ia-lah \$13,124,628. Jumlah ini, kalau dibandingkan dengan Kementerian² yang lain, ada-lah termasuk di-dalam bahagian yang terkecil, tetapi usaha dan kerja yang di-buat oleh Kementerian ini sudah cukup mengempar rekod dunia, dengan Ramani, dengan konfrontasi Indonesia, dengan putus perhubungan kita dengan Philipina dan lain² lagi. Sebab itu, saya kata walau peruntukan yang kecil, rekod yang telah di-kerjakan oleh Kementerian ini sudah mendapat satu hasil yang besar dalam dunia.

Tuan Pengerusi, mengenai masaalah Menteri Luar Negeri, saya mengshorkan supaya Kerajaan segera melantek

sa-orang Menteri penoh untuk mengambil tanggung-jawab di-dalam soal urusan Kementerian Luar Negeri ini, sebab sa-bagai sa-orang Menteri Luar Negeri, dia memerlukan tenaga, fikiran dah usaha yang amat banyak. Gambaran negeri ini untuk luar negeri adalah sa-penoh-nya di-main oleh atau pun di-mainkan peranan-nya oleh Menteri Luar Negeri. Sampai hari ini, bolehlah sedikit sa-banyak kita membanggakan dengan usaha² pehak Kementerian Luar Negeri yang telah begitu jauh berani mengadakan hubungan² diplomatik dengan negara² Asia-Afrika seperti di-Belgrade, Addis Ababa, Lagos, Cairo dan lain² lagi. Kita mengharapkan di-dalam masa singkat yang akan datang supaya Kerajaan lebih berani dan lebih jauh lagi memperkenalkan Malaysia ini dan menunjukkan kebolehan kita dalam bidang diplomatik dunia bahawa kita sanggup menjadi sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, sanggup bersahabat dengan siapa sahaja, asalkan orang itu sanggup menghormati kita dan menghormati kedaulatan kita. Saya menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang mengatakan bahawa pada satu hari ada-lah lebih baik kalau sudah perhitungan itu masak di-bawah pakar² luar negeri supaya kita mengadakan hubungan diplomatik dengan Russia. Bukan-lah di-sini bererti kita takut kepada kominis yang ada di-luar negeri, soal kominis yang ada di-luar negeri, atau pun idiologi apa yang harus di-anuti oleh semua bangsa yang ada di-luar negeri itu ada-lah masaalah mereka. Yang kita tidak mahu, kominis di-bawa di-dalam negeri kita, mungkin perimbangan yang harus kita hadapi antara kuasa² besar di-dalam dunia dengan ada-nya hubungan kita dengan Soviet Russia itu boleh memberi sedikit ubat walau pun tidak banyak.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat masaalah yang di-hadapi di-dalam bidang diplomatik dan usaha luar negeri maseh di-dalam keadaan yang membimbangkan bagi kedudukan negeri kita sendiri, terutama kita dudok dalam peta negara di-seluruh Asia ini. Masaalah Asia, mahu tidak mahu, ada-lah harus di-selesaikan oleh kita orang²

negara Asia sendiri. Tidak begitu banyak memberi faedah kita pergi menjajah begitu jauh ka-Afrika atau ka-Asia, tidak memberi faedah banyak, kalau sa-kira-nya di-dalam daerah² kita sendiri di-Asia sa-belah sini belum lagi kita menyelesaikan masaalah² kita, sa-belum kita dapat menyelesaikan kedudukan kita dengan Indonesia, sa-belum kita dapat menyelesaikan kedudukan kita dengan Philipina, sa-belum kita dapat menyelesaikan kedudukan kita dengan Vietnam Utara dan lain² lagi, mungkin kerana Geography-nya dan kerana dekat-nya negara² itu dengan kita dan banyak-nya perkara² lain yang dapat kita salin, tukar-menukar dengan mereka—itu akan menghambat kedudukan politik luar negeri kita. Sebab itu saya mengharap-kan-lah usaha² kita, sa-lain daripada usaha² untuk membuka luas lagi bidang diplomatik dengan Asia-Afrika, kita lipat gandakan lagi usaha menchari penyelesaian ini.

Saya fikir, Tuan Pengerusi, kita, sa-bagai negara kecil, sa-lama kita tundok kepada suatu peratoran, kepada suatu kehendak baik demi menchari penyelesaian dunia, maka tidak akan ada di-katakan kita menghina diri kita, kita tundok di-bawah tapak kaki siapa², tetapi nampak-nya Kementerian Luar Negeri kita ini maseh merasa, kalau-lah usaha itu atau pun initiative itu untuk menchari perdamaian itu datang dari kita takut bimbang, kita ini terlampau tundok di-bawah orang lain.

Soal diplomatik, Tuan Pengerusi, ada-lah satu bidang yang tertentu dalam masaalah Kementerian Luar Negeri. Masaalah hina tidak hina, bukan-lah menjadi ukoran, tetapi masaalah sa-jauh mana kesanggupan kita memainkan diplomasi di-dalam memberi tempat yang sa-baik²-nya kepada kita sa-bagai negara kecil di-Asia ini. Itu-lah penyelesaian mengharap-kan sa-lain daripada kita menchari hubungan² diplomatik baharu dengan negara² Asia-Afrika dan negara² kominis supaya duri dalam daging yang ada dalam Asia ini, kita selesaikan dengan segera di-dalam waktu yang sa-sengkat²-nya.

Mengenai masalah haji, Tuan Pengerusi, saya amat dukachita sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat yang berchakap tadi, menudoh bahawa ada lintah² darat daripada orang Baduwi di-Mekah. Ini ada-lah satu usaha yang akan lebih membanyakkan lagi perpechahan diplomatik kita dengan negara Arab; sa-tidak²-nya kita dengan Saudi Arabia, kalau kita di-antara kita, kalau tuan² dengan PAS, tuan² dengan orang China, orang India dalam negeri ini boleh perkara itu di-ubah, tetapi tuan² sekarang ada-lah antara tuan² dengan negeri² tuan² dengan tuan² yang ada di-dalam negeri Arab sana.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu boleh memikirkan bahawa orang² Baduwi di-sana itu semua sa-kali jujur, tidak pernah menjadi lintah darat kepada jema'ah haji kita yang datang daripada Malaysia?

Enche' Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengetahui tidak ada negeri di-dalam dunia ini baik, tidak ada dalam dunia ini jahat semua, tetapi tidak ada satu benda yang burok itu kita dapat tegor dengan bahasa yang burok. Dia ada-lah orang Arab, dia tetap orang Baduwi, dia ada-lah hak bagi orang Saudi Arabia, dan dia ada-lah bagi dia, kita ada-lah kita, kita ada diplomatik kita, kita ada usaha² orang tertentu itu untuk menchari penyelesaian. Mana lebih untong kita mengadakan dengan chara yang begitu kasar daripada kita membuat sa-suatu penyelesaian yang lain. Ini ada-lah merupakan . . .

Mr Chairman: Dan begitu juga ada hak tiap² Ahli di-dalam Rumah ini mengeluarkan fikiran-nya.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Betul, Tuan Pengerusi, tetapi jangan-lah dengan bahasa yang tidak begitu banyak diplomasi.

Mr Chairman: Tidak, boleh apa suka dia sa-lagi dia tidak melanggar atoran dan peratoran² yang ada pada saya.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Betul, Tuan Pengerusi, dia boleh mengatakan sa-suatu di-dalam Dewan ini, tetapi kita

bimbang takut-lah orang lain mentafsirkan apa kata² dia itu merbahaya, sebab kita lebih suka menchari sahabat dan menggunakan bahasa yang paling sopan, sa-hingga di-katakan kita satu bangsa yang baik, walau pun di-dalam keadaan yang begitu panas, tetapi kita menggunakan perkataan yang sa-baik²-nya, itu-lah suatu negara dan satu bangsa yang mempunyai etiquette international yang patut di-puji, sekian-lah, terima kaseh.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Enche' Senu bin Abd. Rahman): Tuan Pengerusi, sunggoh pun di-dalam lapangan ini, saya tidak sa-patut-nya mengambil bahagian dan Yang Berhormat rakan saya akan menjawab segala²-nya kelak, tetapi untuk penjelasan, apa yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat daripada Tanah Merah tadi, saya fikir patut di-beri penjelasan dengan terang-nya di-sini, ia-itu Kerajaan kita tidak pernah menchuba hendak memusohi mana² negara pun juga. Perhubungan kita putus dengan Philipina, perhubungan kita putus dengan Indonesia, perhubungan kita putus dengan Pakistan, tidak dengan kerana perbuatan kita. Bukan kita yang hendak mengganyang Indonesia, bukan kita yang hendak menghanchorkan Indonesia, bukan kita yang sa-tiap malam memaki, menghamun, pemimpin² Indonesia, tetapi Indonesia yang hendak menghanchorkan kita, hendak mengganyang kita, memaki, menghamun kita. Sa-balek-nya kita boleh di-katakan menjalankan polisi yang sangat moderate, sangat liberal dan kita sentiasa menjalankan polisi yang tidak mahu menyakit hati, walau pun pemimpin² Indonesia yang sentiasa hendak menchari jalan supaya ada hubungan yang baik itu kembali dengan Indonesia.

Bagitu juga dengan Philipina, saya perchaya ra'ayat Malaysia dan ra'ayat dunia juga faham bahawa dalam soal ini—soal putus-nya hubungan dengan ketiga² buah negeri ini—bukan sama sa-kali kesalahan daripada pehak kita. Jadi, ini penjelasan saya supaya janganlah ra'ayat Malaysia, atau pun dengan perkataan daripada Yang Berhormat daripada Tanah Merah tadi, salah

faham menudoh Malaysia ini yang bersalah. Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri juga sa-malam telah menerangkan dengan panjang lebar bukan dengan perbuatan kita. Dunia tahu kita tidak bersalah, Indonesia yang hendak menghanchorkan kita.

Pakistan yang memutuskan hubungan diplomatic dengan kita, satu benda yang sangat kecil yang tidak pernah terjadi di-dalam sejarah diplomatic mana² negeri pun dalam dunia ini. Dengan kerana perbuatan, atau pun dengan kerana salah faham ucapan daripada wakil kita di-dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu, hubungan diplomatic di-putuskan, belum pernah terjadi. Pada hal Pakistan berperang dengan India, bermatian² dengan India, hubungan diplomatic dengan India tidak di-putuskan oleh Pakistan. Jadi, di-situ menunjukkan di-mana kejujoran, di-mana kesalahan dan kebenaran itu. Sekian, terima kaseh.

Enche' Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Mr Chairman, Sir, I only would like to speak on Sub-head 21, Item (255). Mr Chairman, Sir, today we read in the newspapers that Communist China has cut off all military aids to Indonesia and has imposed a boycott on trade with that country. This, together with the recent catastrophic developments, coups and counter-coups in Indonesia, has provided an object lesson in the price which must be paid for trying to ride the tiger. In this connection, Sir, I hope the people of Pakistan, with whom we have no quarrel at all, would find a parallel in that what has happened in Indonesia can happen also in Pakistan, particularly as the reckless adventurer, Mr Bhutto, the Pakistan Foreign Minister, is also trying to ride on the back of the red tiger.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, ta' chukup quorum—26, ta' chukup.

(Division bell rung; House counted; 26 Members present).

Enche' Tan Toh Hong: Sir, we have witnessed in Indonesia the death knell of Rawalpindi, Jakarta and Peking axis.

It is also the beginning of the decline of the so-called "New Emerging Diplomacy" of Dr Subandrio, who also tried to ride the tiger—but now Dr Subandrio knows better. Dictatorial communism is definitely not the wave of the future in South East Asia. We see today Dr Subandrio, acting under the unholy principles of misguided Sukarnoism, is being systematically crushed by the re-awakened forces of nationalism.

Sir, I submit that these chaotic events in Indonesia bear eloquent testimony to an important fact of international life. Sooner or later, tyranny and adventurous dictatorship inevitably show their true colours of violence, hypocrisy and subversion, and sooner or later, such evil forces are bound to clash with the forces of nationalism. There is no compromise and there can be none.

On the India sub-continent, Sir, we too have seen the tragic results of Mr Bhutto's so-called dynamic diplomacy of wooing Peking. How can Pakistan remain strong, progressive, independent and nationalistic, when its Foreign Minister is subservient to the whims and fancies of Mr Bhutto's foreign masters? The wave of the future, Sir, in South East Asia is nationalism, and I only hope that the people of Pakistan who are our good friends, will not be misled by the unholy alliance of Rawalpindi, Jakarta and Peking. In the process they only bring bloodshed, violence and misery. Already such an axis is cracking and dying. Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja dalam masalah Kepala S. 21, muka 225, Butiran (2)—Menteri Luar dan Setiausaha Tetap Luar Negeri. Dan begitu juga S. 21 muka 248, Pechahan-kepala 28—Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth.

Tuan Pengerusi, kita sama² telah mengetahui, bahawa Malaysia telah menjadi sa-bahagian daripada anggota Commonwealth. Dan saya memandang, Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu masalah yang besar yang mana pada hari ini kita sama² tahu bahawa Rhodesia telah mengishtiharkan kemerdekaan

haram. Dan oleh kerana itu, di-dalam masa² yang telah lalu, Malaysia telah memainkan peranan yang penting sekali di-dalam Persidangan² Commonwealth, umpama, di-dalam soalan Apartheid ia-itu di-Afrika Selatan, yang mana masalah itu tidak dapat di-pecahkan oleh negara² yang lain—hanya Malaysia sahaja. Jadi, pada pandangan saya, pada kali ini pun begitu juga, Malaysia harus memainkan peranan yang penting dalam soal Rhodesia. Sa-kurang²-nya, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri hendak-lah mendesak Kerajaan British, supaya memanggil Persidangan Commonwealth itu dengan sa-berapa segera, kerana masalah ini ada-lah masalah yang penting—yang mengenai, bukan sahaja kepada kulit putih, bahkan masalah ini juga akan memberi kehinaan kepada negara² kulit hitam, yang mana pada masa ini mereka itu telah mengambil bahagian yang chergas dalam soal² yang tersebut. Jadi, oleh sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, di-dalam persidangan pada hari ini, saya merayulah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, supaya membangkitkan masalah ini dan supaya mengadakan Persidangan Negeri² Commonwealth dengan sa-berapa segera, supaya dapat membincangkan, menchari jalan supaya masalah Rhodesia yang telah mengishtiharkan kemerdekaan haram itu dapat di-selesaikan dan dapat di-basmikan.

Sa-lain dari yang tersebut, Tuan Pengerusi, saya juga mengalu²-lah berkenaan dengan penubuhan² Kedutaan kita di-luar negeri, terutama sa-kali di-negeri Afrika. Tetapi, di-dalam begitu pun, kita jangan-lah lupa bahawa yang kita ini berada di-dalam negara Asia. Maka sudah sampai-lah bagi kita ia-itu menchari jalan bagaimana supaya dapat kita mengeratkan perpaduan bagi negara² kita di-dalam Asia ini, kerana di-negara Asia ini-lah yang mempunyai penduduk yang lebeh banyak daripada Afrika dan daripada dunia² atau benua² yang lain. Dan saya teringat, Tuan Pengerusi, bahawa pada satu masa dahulu, bahawa Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah memberi kesanggupan akan memainkan peranan yang penting

dalam mempersatu-padukan umat² Asia. Jadi itu ada-lah satu harapan kita bagi masa yang akan datang, bahawa supaya umat² Asia ini dapat bersatu-padu dan dapat hidup dalam rukun aman dan damai.

Di-dalam perhubungan kita di-luar negeri juga, ia-itu saya memikirkan bahawa Duta² yang keluar negeri itu, patut-lah juga Kerajaan mengambil satu perhatian yang mereka itu menjalankan tugas supaya mengadakan, umpama-nya, Insurance Policy bagi mereka itu. Kerana saya tahu, Tuan Pengerusi, ada negara² yang bahaya di-dalam dunia, yang barangkali tidak sesuai dengan keadaan kita. Umpama-nya, di-dalam Afrika, kita kata Addis Ababa. Addis Ababa tinggi, barangkali hampir 20 ribu kaki, daripada parasan laut (sea-level). Dan bagi orang kita di-Malaysia ini, kalau di-hantar pergi kasa-sana, barangkali boleh jadi, dia darah tinggi sahaja, kalau silap², Tuan Pengerusi, tidak sampai di-Addis Ababa. Dan dengan sebab itu-lah, saya memikirkan patut-lah Kerajaan kita memikirkan supaya di-adakan Insurance Policy bagi Duta² yang berkhidmat di-luar negeri supaya memberi satu jaminan kepada mereka itu.

Dan soalan yang akhir sa-kali, saya hendak tahu-lah bahawa kita ada satu negara jiran tetangga kita, ia-itu Ceylon yang duduk dalam Commonwealth. Saya ingat Ceylon satu negara yang penting juga. Jadi, jangan kita terlambat, kita selalu Tuan Pengerusi, terlambat, "too late" kata orang puteh, bila kita masok sudah terlambat. Umpama-nya di-Burma, satu negara yang penting, tetapi kita masok itu terlambat. Jadi susah, bila lambat kita hendak pun keluar angin. Jadi, oleh kerana itu-lah saya fikir bahawa Ceylon ini satu negara yang penting bagi kita dan patut-lah kita mengadakan perhubungan Pesurohjaya kerana dengan perhubungan itu dapat-lah kita memainkan peranan yang penting dalam mempersatu-padukan umat² dalam Tenggara Asia ini. Sekian, Terima kasih.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran ini hendak berchakap di-

atas perkara Kementerian Luar Negeri, Kepala S. 21, Butiran (1) token vote \$10. Kalau saya tidak berchakap di-atas Kementerian ini bagini penting, saya tidak seronok, terutama sa-kali masa ini waktu negara kita ini diselaputi oleh awan yang hitam. Saya hendak berchakap di-sekitar Malaysia ini sahaja, Dato'. Kalau saya sa-orang pemereksa, Dato' Pengerusi, saya boleh bagikan markah 100% kepada Kementerian ini. Memikirkan pandai-nya, bijak-nya, Kementerian ini menjalankan kewajipan mereka itu, memberi faedah kepada negara kita. Sadikit silap sahaja, Dato' Pengerusi, satu bahaya yang besar sa-kali akan timbul di-negara kita ini. Saya tidak kata peperangan, tetapi dekat² dengan peperangan. Sekarang kita sudah tengok putus-nya diplomatik kita dengan Philipina. Siapa yang memutuskan? Philipina! Sekarang kita sudah tengok dengan kebijaksana peranan yang di-permainkan oleh Perdana Menteri dan pegawai²-nya, sekarang saya sudah tunjok tidak lama lagi, insha'Allah diplomatik relation kita dengan Philipina akan puleh saperti sedia kala. Memandang saya kepada Indonesia, siapa hendak ganyang kita, Soekarno hendak ganyang kita. Apa kita hendak buat? Tetapi oleh sebab kepandainan, kepintaran Kementerian ini, barangkali ta' berapa lama lagi kesedaran kita itu akan puleh saperti sedia kala. Ini pandai, kalau tidak barangkali, masa ini kita sudah berperang besar. Fasal apa, dia mahu serang kita. Kita bukan apa kurang. Kita boleh hanchorkan Jakarta, kalau kita mahu, dalam tiga hari, tetapi pandai-nya Kementerian ini menjalankan hal ehwal diplomatik mereka itu terhadap luar negeri, sebab itu-lah saya katakan kalau saya sa-orang pemereksa, saya beri 100% markah kepada Kementerian ini.

Saya suka hendak bagi ingatan sadikit kepada pehak² Pembangkang biar pandai² sadikit, jaga langkah masing². Oleh sebab perkara ini sangat rumit, Dato' Pengerusi, jangan di-permain²kan dengan api, kerana salah² main api, bukan-nya faedah kepada kita, bahkan akan benchana kepada kita. Jadi, sebab pulut, santan binasa, sebab mulut badan binasa . . .

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saudara saya itu membuat satu statement yang general. Dia memberi satu ingatan. Tolong specific, tolong tunjukkan di-mana yang dia hendak memberikan amaran, tolong tunjukkan perkara yang tertentu.

Enche' Tajudin bin Ali: Saya chuba hendak bagi amaran, Dato' Pengerusi, kapada pehak Pembangkang, jaga baik², kalau tidak pandai . . .

Mr Chairman: Saya fikir amaran itu tidak boleh di-beri di-sini, chakap sahaja!

Enche' Tajudin bin Ali: Dato' Pengerusi, saya tinggalkan Kementerian Luar Negeri. Saya masok hal ehwal S. 22, muka 250, Dato', ia-itu tajok Ibu Pejabat, Butiran (1)—Pegawai Urusan Haji. Ini saya hendak chakap pendek sahaja. Waktu Jema'ah Haji kita balek ka-Pulau Pinang hari itu, Dato', saya tengok dua tiga orang chemas² kena lecek dan hanchor. Sa-orang terus masok hospital, ini bukan apa—pentadbiran-nya kurang baik. Saya shorkan di-sini mesti ada *gate*—pintu-nya—untuk orang masok dan orang keluar. Ini barang hendak angkat keluar, orang masa itu langgar masok. Saya dengar hari ini, menerusi *Utusan Melayu*, mengatakan di-Port Swettenham kita, semua orang boleh masok. Jadi ini mesti-lah jaga, jangan di-benarkan semua orang masok menerusi satu pintu, mesti kita ada dua pintu. Masa itu hendak angkat barang, saya shorkan barang² itu di-tinggalkan dahulu di-sana—orang dahulu. Jadi mesti-lah, pendek kata, untuk menyelamatkan masa, Dato' Pengerusi, ta' usah-lah saya bincangkan dalam Dewan ini berpanjangan², tetapi mesti ada atoran pakai "good sense must prevail". Pakai otak fikiran sedikit dan lebeh² lagi, saya shorkan Pejabat Haji itu di-letakkan berdekatan dengan warf, kalau umpama-nya pelabuhan Port Swettenham itu, mengapa tidak di-letakkan Pejabat itu sementara supaya ada perkara² masalaah timbul, apa² perkara, terus boleh kita berjumpa dengan wakil²-nya di-pejabat itu dan bereskan segala masalaah. Jadi, di-Pulau Pinang,

saya tengok orang macham bukit melanggar masok kapal. Ini tidak betul.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, saya sokong-lah pendapat wakil daripada Kapar, kapal *Kuala Lumpur* itu tua sangat-lah, buangkan, ambil kapal baharu. Kita merdeka, sekarang Jema'ah² Haji puas haji dengan pentadbiran Kerajaan Perikatan menghantar Jema'ah Haji ka-Mekah—satu dua perkara kita hendak betulkan, tetapi banyak sudah baik. Mengapa tidak kita bawa, kita charter *Queen Mary* bawa orang² ini, jadi sa-imbang dengan kemerdekaan negara kita. Ini kapal cargo membawa Jema'ah Haji kita ini, ini memalukan negara kita. Berhentikan kapal *Kuala Lumpur*, *Anson*, *Anking*—semua ini sudah lama sangat. Hantarkan ka-Limbongan Bristol.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, muka 251, S. 22, Urusan Haji ini saya dengar sahabat kita daripada Sabak Bernam berkata banyak lintah darat di-sana. Saya tidak berapa gemar perkataan ini, fasal apa lintah darat, negeri kita pun banyak. Jadi ini-lah perkara² perkataan² yang mengatakan satu² Kerajaan yang merdeka, berdaulat, kurang manis masa ini. Jadi, kita pun banyak lintah² darat di-negeri kita. Jadi perkara² itu, kita jangan-lah beratkan sangat, terutama sa-kali negara² Arab ini dia sensitive sangat—kata dia pakai serban panjang pun, dia hendak marah, jangut di-kurang trim pun dia hendak marah. Jadi semua perkara dia hendak marah. Jadi, daripada perkara ini sabenar²-nya pada pendapat saya, Dato', perbelajaan di-sana murah, ia-itu bagi satu Jema'ah Haji 274 rial bagi perbelanjaan makan minum, eletrik dan rumah²—semua murah. Kalau hendak baik, pergi hotel, first-class hotel memang ada di-sana. Saya bukan orang haji, saya belum haji lagi, chita² hendak pergi haji ada, tetapi saya tahu cherita ini kurang baik.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya suka membuat shor di-sini ia-itu berkenaan teket² naik haji ini selalu-nya menjadi perbalahan. Kita tinggalkan kapada Orang Besar Jajahan, kapada Pegawai² Jajahan—ini kurang baik.

Kerana bermacam²-lah timbul di-situ, kadang² orang lewat datang pun, di-bagi teket first-class, kadang² teket ada, kata tidak ada. Saya shorkan di-sini untuk mengatasi masaalah ini supaya Wakil Ra'ayat tempatan itu ada bersama² dalam Jema'ah memberi teket, sama ada first-class, second-class atau pun third-class. Jadi kita boleh bin-chang, Wakil Ra'ayat boleh kenal tiap² orang dalam kawasan dia. Jadi saya rasa, dengan kerjasama dia perkara ini boleh di-atasi. Ini perkara ber-bangkit tiap² tahun. Orang yang baharu datang adek beradek dia sudah dapat teket, wal-hasil teket itu sudah di-tempah oleh orang kampong kita terlebih dahulu daripada orang² yang berkawan baik dengan pegawai²-nya. Mengatasi perkara ini, Dato', saya shorkan wakil ra'ayat dudok dalam Jema'ah mengeluarkan teket² itu kepada Jema'ah Haji sakalian daripada tahun ini dan sampai bila² juga pun. Terima kaseh.

Mr Chairman: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.52 a.m.

Sitting resumed at 12.15 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the chair)

House immediately resolved itself into a Committee of Supply.

Heads S. 21 and S. 22—

Debate resumed.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya meminta berchapak dalam lima minit sahaja ia-itu berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri ini, berkenaan dengan gaji² Menteri dan juga gaji² pegawai² yang berkenaan.

Kita telah mendengar banyak-lah ucapan² yang bukan sahaja bersifat di-dalam Jawatan-kuasa, tetapi juga menyentoh perkara² yang kena-mengena dengan polisi sedikit sa-banyak. Apa yang saya hendak katakan ia-lah memandangkan kepada kedudukan negara kita pada masa ini, saya berharap-lah pehak Kementerian ini, pertama-nya memenohkan kekosongan²

di-dalam perhubungan diplomatik, di-antara negara kita dengan negara² Asia sendiri sekurang²-nya, kalau tidak pun Afro-Asia, mithal-nya di-Ceylon, Burma dan lain² kerana ketegapan negara kita di-sa-belah sini bergantung kepada perhubungan kita dengan jiran² kita yang lebih dekat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat dengan apa yang di-katakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Larut tadi, ia-itu di-dalam kita membahathkan atau pun memperkatakan masaalah² urusan Luar Negeri, patut-lah juga kita menjaga chakapan² kita itu supaya jangan menimbulkan sa-suatu.

Kembali saya kepada muka surat 250, Pechahan Kepala 1 dan 2 ia-itu berkenaan dengan Urusan Haji. Amat-lah mendukachitakan yang kita menerbitkan perkataan² lintah darat kepada tempat yang kita pergi menu-naikan ibadat haji, kerana ini akan meretakkan lagi perhubungan kita dengan negara Arab, Saudi Arabia, dan baharu² ini kita telah membuat suatu perkara, tetapi perkara itu telah di-nafikan ia-itu berkenaan dengan Israel dan hampir² kita hendak retak pula perhubungan dengan U.A.R. dan hari ini pula kita kecham orang² itu mengatakan, orang² di-situ melakukan kerja² lintah darat. Ini kita membuat satu perkara yang memberi orang marah kepada kita dan satu pukulan hebat kepada Malaysia ini, sa-bagai-mana di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran tadi, satu perkara yang chukup tidak elok berlaku dalam dunia ini yang Pakistan itu memutuskan perhubungan dengan kita sedangkan dia dengan India sendiri pun, tidak memutuskan perhubungan pada hal sa-patut-nya dia memutuskan perhubungan dengan India—dia ber-perang.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya suka memberi penjelasan sedikit. Apa yang saya sebutkan sa-tengah² daripada Badui² yang meng-ambil kesempatan sa-bagai lintah darat ia-itu mengambil keuntungan yang bukan². Ini bukan sahaja kejadian ini boleh terjadi di-Saudi Arabia, tetapi

di-Malaysia ini bukan sahaja lintah darat, buaya darat pun ada. Jadi perkara yang sa-umpama ini, saya fikir, bukan-lah ini kesempatan pehak Pembangkang untuk menchari jalan bagi memecah-belahkan perhubungan di-antara kita dengan Saudi Arabia. Jadi kalau sa-kira-nya Wakil daripada Bachok itu membuat tafsiran yang samacham itu, bahawa beliau ada-lah sa-bagai batu api untuk chuba memecah belahkan perhubungan di-antara Malaysia dengan Saudi Arabia.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu tentang perkataan lintah darat itu berlaku di-dalam negeri ini, tetapi pada masa ini kita membahathkan Urusan Luar Negeri. Menggunakan perkataan lintah darat terhadap sa-suatu pehak dalam sa-buah negeri, itu tidak bijak dan ini saya perchaya besok akan menjadi satu issue yang besar di-dalam surat khabar dalam perkara ini dan menambahkan lagi rumit dan kita hendak pergi ka-haji dalam sadikit hari ini dan kita ada jalan lain membuang perkataan lintah darat itu mithal-nya, tidak patut atau pun begitu bagini, satu perkataan yang di-gunakan oleh Ahli² Diplomat. Itu yang saya sebutkan, bukan saya membahathkan the very word lintah darat.

Tuan Pengerusi, saya teringat tadi ada satu pehak waktu saya tengah minum kopi tadi, ia-itu berkenaan dengan Urusan Haji ini patut di-ambil alih oleh Tabong Haji. Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu pendapat yang chukup progressive dan dynamic. Saya tidak tahu pehak mana yang berchakap tadi, kerana boleh jadi kita memikirkan bahawa Urusan Haji—Urusan Ibadat dan tidak-lah patut di-ambil alih oleh suatu Badan yang kita nampak dia menuju lebeh banyak kapada ekonomi daripada membuat ibadat. Tetapi Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya katakan satu pendapat yang chukup progressive, ia-itu di-dalam Islam ini tidak ada sa-barang ibadat sa-mata² yang ada tidak bersangkut-paut dengan welfare dan dengan keadaan kehidupan manusia sendiri dan kalau tugas Tabong Haji itu, bukan sahaja menolong menyimpan wang untuk kita pergi menuaikan haji, tetapi juga mempunyai

satu chara hendak membetulkan ekonomi orang² kita terutama orang² Melayu, maka badan ini-lah yang patut mengambil alih Urusan Haji itu. Ini tidak berlawan Islam sebab di-ketika ayat Quran menyeru orang pergi ka-Haji, pertama objective dalam itu dia kata (dalam bahasa Arab), supaya mereka itu menyaksikan munafa'at², tidak sahaja pergi ka-haji bawa balek serban kalau hendak pakai serban, sahabat saya ia-itu daripada Port Dickson pun ada serban, tidak mustahak itu. Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya berpendapat yang chukup progressive dan saya menyokong walau pun daripada pehak Perikatan atau pun daripada pehak atau pun dari pehak mana².

Yang Kedua dan yang terakhir ia-itu di-muka 248, Pechahan-kepala 33, kita dapati sudah di-potong peruntokan bagi lawatan muhibbah ka-Afrika Timor. Saya sa-kali pun boleh jadi tidak tepat meminta wang untuk mengadakan peruntokan ini, tetapi pada fikiran saya sudah sa-patut-nya kita membanyakkan lawatan² muhibbah dengan jalan hendak menchari perhubungan yang lebeh erat lagi. Singapura baharu merdeka dalam dua tiga hari—dengan rahmat kebodohan kita memberi dia merdeka, maka dia telah membuat perhubungan² dengan negara² di-Afrika dan dia lebeh maju daripada negara kita dalam perkara ini. Jadi ini-lah satu perkara yang saya bukan tidak bijak, tetapi patut kita tinggalkan perkara ini dan kita ubah.

Yang akhir yang saya hendak tutup ucapan saya ini ia-lah berkenaan dengan Rhodesia, Tuan Pengerusi, sadikit sahaja. Kita tahu di-Rhodesia itu ada satu pehak yang bukan penduduk² asli atau pun satu pehak yang sa-patut-nya tidak berhak mengishtiarkan kemerdekaan di-situ, tetapi oleh sa-suatu sebab, pergolakan alam sekarang ini—ada pehak itu berani mengishtiarkan dengan sa-chara yang tidak halal dan perishtiaran kemerdekaan Rhodesia itu di-ketahuⁱ oleh kesemua dunia dan di-dalam Dewan ini—pehak lawan dan kawan bahawa pengishtiaran kemerdekaan itu tidak halal. Jadi, Tuan Pengerusi, kita dalam perkara yang samacham ini, patoh kapada Piagam

Bangsa² Bersatu hendak menjaga hak asasi manusia, kita hendak-lah mengambil peranan yang effective, yang berkesan betul², dan saya mengeshorkan kepada Kerajaan supaya sekarang juga memikir dan menyediakan satu battalion tentera kita dan apabila mustahak kita hantarkan ka-sana menghanchorkan Kerajaan yang haram itu di-sana. Ini ada-lah berani-nya Kerajaan kita, bukan penakut. Perkataan berani dan penakut itu, saya menggunakan in sense sa-macham ini, bukan in sense yang hendak bertumbok, yang hendak ajak itu—tidak! Tetapi kalau kita berani, ini-lah masa-nya dan saya mengeshorkan, saya meminta negara kita ini daripada sekarang, menyediakan satu battalion. Tuan Pengerusi, kalau di-kehendaki saya pergi sama dalam battalion itu saya bersedia hendak menunjukkan keberanian saya dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali, ucapan pada hari ini, yang akhir-nya sa-kali yang saya dapati enam kali kita tidak chukup quorum. Ini, Tuan Pengerusi, menunjukkan pehak Perikatan ini penakut menunggu dalam Dewan ini, sampai enam kali tidak pernah chukup quorum. Macham kami ini tidak kira-lah sedikit sangat, Tuan Pengerusi, saya ta' ada pun chukup dalam perkara ini (*Ketawa*). Jadi, saya, Tuan Pengerusi, yang saya katakan ini untuk satu² Parti, untuk Dewan kita ini yang kita puji ia-lah Tuan Pengerusi dan Chairman sendiri, tidak pernah sa-kali pun meninggalkan dalam Dewan ini dan saya bimbang pada satu masa tindakan balas akan menjalankan quid pro quo, Pengerusi pula tidak ada, baharu-lah Dewan ini merasa chabaran itu dan ini. Hendak-lah kita menghormati Dewan ini dan saya berharaplah sahabat² saya yang banyak ini, jangan lari daripada Dewan ini, P.M.I.P. dan Pembangkang akan tunggu walau sa-orang sa-kali pun.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya turut mengambil bahagian perbahathan dalam anggaran perbelanjaan ini di-samping menyokong-nya. Chuma saya hendak menyentoh dalam Kementerian Luar Negeri berhubung

dengan pemberita akhbar luar negeri. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum bahawa akhbar ada-lah satu alat yang penting pada sa-buah negara, sama ada akhbar dalam negeri, mahu pun akhbar luar negeri. Saya patut memberikan pujian kepada akhbar² dalam negeri ini yang sa-lama ini mematohi apa yang di-kehendaki dan menurut dasar persurat khabaran bagi menolong pembangunan negara ini. Tetapi yang saya hendak kemukakan di-Dewan ini, ia itu Kerajaan patut memerhati, kalau boleh mengharamkan pemberita luar negeri yang masok membuat berita palsu, atau bertentangan dengan dasar Kerajaan, atau sengaja berat sa-belah. Dan kadang² berita yang di-dapati berlawanan dengan apa yang sa-benar dalam negeri, keburokan yang akan kita terima daripada mereka itu, nombor satu, menjatuhkan maruah Kerajaan kita pada mata dunia luar negeri. Yang kedua ini-lah menolong anasir² yang hendak meruntuhkan Kerajaan kita, walau pun beberapa kali telah di-peringatkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, tetapi kejajakan pemberita² daripada luar negeri itu keterlaluan. Maka saya harap Kementerian ini mengambil perhatian atas apa yang saya chakapkan.

Yang Kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-muka 248, Pechahan-kepala 29—Bayaran kepada Bangsa² Bersatu. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum bahawa Kerajaan Malaysia ini mempunyai, pada mula-nya, 14 buah negara, tetapi dengan pemisahan Singapura, maka kita telah kurang sa-buah negara dalam Malaysia ini. Saya ingin tahu atas pembayaran kita kepada Pertubohan Bangsa² Bersatu itu dengan keluar-nya Singapura daripada Malaysia ini, saya mengharapkan dapat penjelasan, adakah pembayaran kita itu dapat dikurangkan, dan juga dari segi apa-kah dasar pembayaran kita kepada pertubohan tersebut.

Akhir-nya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya gemar hendak menyentoh S. 22—Urusan Haji. Saya juga sama dengan pendapat sahabat² saya berhubung dengan Urusan Haji ini

supaya dapat di-ambil oleh Lem-baga Perbadanan Haji ini yang dudoknya dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walau pun pada keseluruhan-nya tidak dapat di-ambil pentadbiran ini, saya harap dalam Urusan Haji dalam negeri ini dapat di-berikan kepada Perbadanan ini. Sebab saya nampak bahawa urusan Haji sa-lama ini di-tadbirkan oleh tiap² buah negeri di-salurkan kepada daerah², tetapi kalau kita beri urusan dalam negeri ini kepada Lembaga Perbadanan Haji ini, dapat-lah Lembaga ini merapatkan kepada bakal² haji itu di-samping memeraikan keluarga-nya dalam Tabong Perbadanan Haji ini saya nampak Tabong Perbadanan Haji ini berjalan sangat lemah hanya pada masa ini chuma 18,000 peserta yang dapat mengumpulkan wang lebih \$1 juta tetapi kalau dapat di-satukan dalam Urusan Haji ini dari dalam negeri, saya menambah keyakinan akan ramai-lah lagi peserta² akan masuk dalam Perbadanan ini dan bertambah baik-lah rancangan yang hendak di-buat oleh Kerajaan berhubung dengan hendak mengumpulkan wang. Dan saya sokong-lah satu masa kelak daripada perbadanan ini akan membeli sa-buah kapal haji yang lengkap untuk urusan orang² kita di-Malaysia ini.

Sa-lain daripada itu, saya gemar menarek perhatian dalam quota yang hendak di-beri peluang bakal² haji. Saya harap Kerajaan jangan menyekat pemergian—menyekat permohonan bakal² haji. Sebab sa-tengah² sa-bagaimana tahun yang lalu—sa-tengah² rungutan daripada mereka—bakal² haji—mereka ada kelayakan pada menunaikan haji—ada wang menunaikan haji, tetapi oleh sebab peruntukan atau quota itu sudah di-hadkan sekian² banyak-nya, maka tidak dapat-lah mereka hendak menunaikan haji. Jadi yang sulit-nya wang yang di-simpan pada tahun yang akan datang di-tunggu menyempurnakan haji, yang malangnya berbagai² kesulitan, atau pun satu perkara yang terjadi dalam masyarakat mereka maka wang yang telah di-untukkan hendak pergi haji itu telah habis, maka gagal-lah manusia ini hendak menunaikan fardhu haji sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ajaran

Islam. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan berhubung dengan quota hendak memberi peluang kepada bakal² haji ini lebih baik kita buat lebih awal, sebab daripada situ dapat kita tahu berapa ramai pada tahun ini bakal² haji yang hendak menunaikan haji.

Ada satu perkara lagi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kursus Tata Ra'ayat sa-bagaimana yang di-chakapkan oleh rakan² saya tadi, tetapi saya chuma hendak menambah satu perkara lagi memberi kursus kepada bakal² haji ini sama ada mereka sa-belum belayar atau pun mereka di-dalam kapal. Sa-lain daripada kursus yang hendak di-beri berhubung dengan hal-ehwal haji, saya nampak juga supaya di-berikan kepada mereka kursus berhubung dengan pergolakan tanah ayer—perkembangan tanah ayer kita ini. Jadi dengan itu saya mengharapkan pegawai Kementerian Luar Negeri, sa-lain daripada pegawai² jema'ah haji patut memberikan kursus berhubung dengan perkembangan luar negeri kita supaya dapat jema'ah haji yang pergi menunaikan fardhu haji di-sana, dapat satu pegangan berhubung dengan perkembangan luar negeri—kedudukan terhadap negeri² mana oleh sebab dalam masa kita menunaikan fardhu haji waktu sekarang, waktu konfrontasi, yang di-datangkan oleh Kerajaan tetangga Indonesia jema'ah haji kita juga telah di-konfrontasikan oleh ra'ayat warga negara itu—telah di-hasut oleh warga negara itu. Maka ra'ayat Malaysia ini dengan tidak ada satu senjata untuk menolak atau menafikan diayah² yang di-datangkan oleh ra'ayat yang mengkonfrontasikan kita itu, maka mereka mengatakan betul-lah Kerajaan Malaysia ini tidak betul. Jadi hal yang macham ini, saya harap, Kementerian ini akan memberikan kursus kepada bakal² haji berhubung dengan dasar kita di-luar negeri. Sekian, terima kaseh.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon): Dato' Pengerusi, saya chuma hendak memberi penjelasan sedikit, sungoh pun ini bukan dibawah Kementerian saya, tetapi Yang Berhormat dari Larut Utara, kalau ta'

salah saya, tadi menyentuh berkenaan dengan Pelabohan di-Pulau Pinang. Buat pengetahuan Ahli² Yang Berhormat sakalian di-Rumah yang berbahagia ini, alham 'dulillah, Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang telah mengadakan bangunan yang baharu memakan belanja \$1,250,000 yang baharu² ini saya buka dan ini hendak memberi peluang, terutama sa-kali, kapada orang² yang hendak turun naik kapal pergi haji. Saya dapat tahu juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun ada rancangan supaya membaiki padang di-sabelah bangunan itu supaya orang² menghantar orang haji ramai² itu senang-lah di-tempatkan dan tidak-lah menjadi tergendala di-sana. Tetapi saya suka hendak memberi penerangan dari segi pelabohan, sama ada di-Pelabohan Port Swettenham atau Pulau Pinang, ada sa-buah Jawatan-kuasa yang mana Pengurus Besar Pelabohan itu bersama² pehak Jabatan Haji, Polis dan Sheikh² dan wakil² mereka itu semua ada berunding dan kira-nya apa² keputusan yang telah di-persetujuan dan di-putuskan itu, di-ikut oleh pehak orang² yang hendak pergi haji, baik orang yang hendak menghantar, tentu-lah perkara² yang tidak di-ingini itu tidak terjadi. Maka, saya minta-lah dengan ihsan Yang Berhormat sakalian, kalau kita sama² menghantar sanak saudara kita, sama²-lah kita menasehat, sama²-lah kita mengikut atoran dan peratoran yang telah di-persetujuan oleh mereka semua yang berkenaan. Bagi pehak kami daripada pelabohan, akan memberi khidmat dan kerjasama sa-penoh²-nya bagi membaiki dan menyenangkan sakalian bakal² haji, kerana itu kewajipan kami juga menolong mereka dalam perjalanan hendak pergi haji dan masa hendak balek.

Kedua-nya berkenaan dengan Yang Berhormat rakan saya dari Kapar juga bertanya berkenaan dengan perkapalan. Saya faham dan tahu kapal *Kuala Lumpur* ini bukan-lah kapal yang baharu, tetapi sa-berapa daya dan upaya sementara ini mengikut peratoran² yang di-kehendaki sama ada bilek dingin-nya barangkali ada juga di-dalam itu, kalau ada yang mampu

hendak bayar first class, second class. Tentang hendak pergi 14 hari hendak di-kurangkan kapada 10 hari—itu ma'alum-lah itu kena berunding dengan pehak kapal supaya dapat kapal yang baharu, tentu harga-nya mahal, dan barangkali tambang-nya pun mahal. Tetapi saya suka menerangkan pehak Kerajaan kita telah pun mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa daripada pegawai² daripada Kementerian saya sendiri—Pengangkutan dan Perdagangan dan Perusahaan bersama² supaya menyelidiki sa-halus-nya, patut sa-buah perkapalan kebangsaan (National Shipping) untok Malaysia ini di-tubuhkan. Apabila tertuboh satu perkapalan kebangsaan ini, maka dari situ saya harap Tabong Haji ini yang memang di-taja untok mengumpulkan wang sa-bagai bekalan orang yang hendak pergi haji, kira-nya di-siasat, kira-nya menjadi ekonomi perkara itu, tentu-lah dapat di-ikhtiarkan dan di-jalankan satu waktu nanti, kita mempunyai satu kapal sendiri yang terator yang lebeh baik yang kehendak kita, tuan² mesti ingat, bukan-lah yang tiga bulan waktu musim haji itu. Kapal sa-buah itu boleh hidup dengan perjalanan musim haji yang tiga bulan itu, yang sembilan bulan itu di-mana hendak pergi-nya? Maka, itu sebab perkara yang sa-macham itu, kena-lah di-halusi dan saya harap tidak berapa lama lagi Jawatan-kuasa pegawai², yang telah di-tugaskan itu akan memutuskan kenyataan² dan apabila Kerajaan telah memutuskan dasar² itu, saya harap segera di-tubuhkan sa-buah National Shipping (Perkapalan Kebangsaan) dan dari situ dapat kita selideki lebeh halus lagi. Kita patut memang mempunyai satu perkapalan kebangsaan sa-bagai negara Malaysia yang telah bebas dan merdeka. Terima kasih.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Untok penjelasan, jangan bawa bakal haji sahaja, bawa getah, bawa bijeh timah, bawa kayu-kayan, jangan harap perniagaan tiga bulan itu, terus menerus 365 hari itu kita akan gunakan kapal itu.

**The Minister of Land and Mines
(Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):**

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menjawab perkara² yang telah di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat, pertama sa-kali mengenai rumah sakit di-Mekah itu. Sa-benar-nya tempat yang di-sediakan di-Mekah itu, bukan-lah rumah sakit, tetapi ia-lah bilek tempat bakal² haji kita berehat atau pun dengan bahasa Inggeris-nya Sick Bay. Pada tahun hadapan ini, sick bay ini akan kita luaskan lagi dengan tambahan sa-banyak 15 katil lagi. Duta Besar kita di-Saudi Arabia pada masa ini sedang menchari satu bangunan yang besar di-Mekah untuk di-sewakan kapada kita. Berhubung dengan masalah elauin seberang laut bagi kakitangan Rumbongan Perubatan, ini saya suka-lah menerangkan ia-itu akan dinaikkan dua kali ganda lagi daripada dahulu mula² daripada tahun yang akan datang ini. Peruntukan yang ada di-nyatakan dalam Estimate ini mengenai Kusur Tata Ra'ayat, ini sa-benar-nya bukan-lah buat bakal² haji, tetapi ada-lah untuk pegawai² sakalian. Buat bakal² haji, ada guru² ugama dalam tiap² kapal untuk mengajarkan dengan serba sedikit-nya berkenaan dengan hal yang berthabit tentang mengerjakan fardzu haji ini tadi. Lagi pun sa-lain daripada mengadakan guru² ini Kerajaan sa-bagaimana kita sakalian ketahui, ada memberi dengan perchuma sa-buah buku kapada tiap² bakal haji yang di-gelarkan "Buku Panduan Haji". Dalam tahun ini kita telah mengluarkan buku saperti ini juga. Chadangan supaya Kerajaan mengadakan filem untuk membantu bakal² haji itu mengetahui bagaimana chara² mereka boleh membuat permohonan dan perkara² yang lain mengenai menunaikan fardhu haji ini, sa-benar-nya chadangan ini memang telah ada di-timbangan tetapi, Tuan Pengerusi, oleh kerana pada masa ini keadaan kewangan kita sangat genting maka tidak dapat kita selenggarakan. Pada tahun² akan datang, insha' Allah kita akan chuba menunaikan permohonan ini di-masa yang akan datang kelak jika kewangan kita mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menchadangkan supaya Ibu Pejabat di-Pulau Pinang itu di-pindahkan ka-Kuala Lumpur. Saya suka-lah menerangkan di-sini ia-itu Pejabat Haji di-Pulau Pinang itu bukan-nya merupakan satu pusat bagi Urusan Haji ini sahaja, tetapi juga sa-bagai satu chawangan atau pun Branch Office. Sa-lain daripada itu bilangan Jema'ah Haji yang naik dan turun di-Pulau Pinang ada-lah tersangat besar sa-kali. Jika Ibu Pejabat itu hendak kita pindahkan ka-Kuala Lumpur maka perbelanjaan dia akan naik lagi. Controller yang ada pada masa ini bukan-lah bertanggung-jawab sa-bagai Controller bagi Malaysia sahaja, tetapi juga untuk Branch Office di-Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, sa-belum saya lupa, kerana saya tidak tulis tadi, beberapa perkara masaalah² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil daripada Bachok, elok-lah saya nyatakan kapada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu dalam bulan ini juga kita akan menubuhkan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita di-Ceylon. Memang-lah menjadi tujuan Kerajaan ini, saperti yang telah di-nyatakan tiap² tahun, untuk mengadakan di-berapa banyak tempat yang boleh diplomatik mission kita, tetapi perkara yang mesti kita ingat ia-lah masaalah wang. Kita menganutkan satu prinsip ia-itu dalam tahun yang akan datang, dalam Rancangan Pemabangunan kita, kita mesti menumpu, sa-lain daripada masaalah defence, kapada projek² yang akan mendatangkan hasil berupa wang, membawa wang kapada negeri kita terutama sa-kali kita sangat penting, tetapi kita tidak-lah mengatakan bahawa menubuhkan diplomatic mission di-luar negeri itu tidak penting—sangat² penting, masaalah-nya ia-lah masaalah priority, mana satu negeri dahulu, mana satu negeri yang nombor dua dan sa-terus-nya.

Masaalah Rhodesia, Tuan Pengerusi, sa-benar-nya perkara ini telah pun di-nyatakan beberapa kali oleh Kerajaan dalam akhbar², dalam radio dan lain²-nya, pendirian Kerajaan kita ada-lah tegas dalam perkara ini. Kita perchaya

kapada hak² asasi manusia, atau pun principle of human rights dan kita mengutuk pengambilan dengan sa-chara haram kemerdekaan Rhodesia itu oleh penduduk² kulit putih yang population-nya, penduduk²-nya, sangat² kecil di-banding dengan penduduk² Afrika sendiri. Ini berlaku-lah di-beberapa tempat seperti di-South Africa pun kita telah menegaskan pendirian kita dengan sebab kita tidak bersatuju dengan perbuatan Kerajaan South Africa itu, maka kita telah mengambil langkah yang pertama sa-kali dalam Meshuarat Persidangan Commonwealth dan dengan sebab tindakan kita itu, South Africa telah keluar daripada Commonwealth, dan kita telah memutuskan perhubungan perdagangan dengan South Africa. Pendirian kita ini masih lagi dalam masaalah Rhodesia ini kita ikutkan bersama² dengan pendirian negara² Afro-Asia yang lain. Kita telah menjelaskan kepada dunia sakalian bahawa kita tidak akan berdiam diri sahaja membenarkan penduduk² yang berkulit putih yang bilangan-nya kecil untuk memerahkan ra'ayat² Afrika yang berkulit hitam di-dalam negara tumpah darah mereka sendiri. Dengan sebab yang demikian-lah Tunku Perdana Menteri telah menerangkan kepada akhbar dan menerusi radio dan lain², perasaan Kerajaan kita yang belum lagi begitu puas hati dahulu memandangkan kepada tindakan Great Britain yang tidak begitu tegas untuk menyelesaikan masaalah di-Rhodesia ini. Sa-bagaimana kita sakalian ketahu² kita telah menyokong Ketetapan United Nations atau pun Bangsa² Bersatu pada 20 haribulan November, tahun 1965, yang mana, di-antara lain, telah menerangkan ia-itu supaya kita menjalankan diplomatic sanction ia-ini dalam level ekonomi mithal-nya, supaya jangan menghantar minyak atau pun oil embargo kita jalankan kepada negara Rhodesia ini. Dan juga dalam ketetapan United Nations atau Bangsa² Bersatu itu, telah menerangkan dengan tegas-nya supaya Kerajaan British mengambil tindakan² yang tegas untuk menghapuskan pengkhianat² di-dalam Rhodesia itu. Ini pendirian kita yang jelas dan

saya rasa pendirian ini di-ketahu² bukan sahaja oleh semua Ahli² Yang Berhormat, tetapi juga di-dalam dunia sakalian.

Di-sini, bila saya mendengar Ahli Yang Berhormat berchakap tadi, saya ingat-lah kapada satu perbuatan di-Sarawak apabila Sarawak di-serahkan kepada Kerajaan British pada satu haribulan Julai, tahun 1946—perkaranya itu telah di-bawa ka-dalam Majlis Undangan Negeri Sarawak, dan orang yang berkulit putih—bukan warga-negara Sarawak mereka sendiri menjadi pegawai sahaja, telah mengundi juga supaya Sarawak di-serah kepada British. Jadi, ini membawa pada saya sendiri perasaan yang ta' berapa sedap sedikit, dan bagaimana pun kita ketahu² pendirian Kerajaan kita yang sangat tegas.

Chadangan Ahli Yang Berhormat supaya kita mengadakan satu battallion untuk di-hantar ka-Rhodesia supaya menyerang Rhodesia, supaya memulehkan hak asasi kapada mereka yang berkulit hitam di-sana—bumiputera di-sana, dan beliau juga telah sanggup untuk pergi ka-sana. Tuan Pengerusi, chabaran beliau ini tidak dapat kita hendak serious sangat-hendak ambil. Saya ingat beberapa hari dahulu, Ahli Yang Berhormat ini menchabar, dia kata chuba kita tengok siapa pandai berchanggong lagi daripada Ahli PAS—kah atau pun Ahli Perikatan. Kita adakan satu majlis pada 2 haribulan atau pun 3 haribulan dibawah. Di-mana dia pergi berchanggong? Bawah meja tempat saya dudok. (Ketawa).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya lari, sebab orang kirim pada saya satu penari yang ta' lawa. Kalau lawa saya terima! (Ketawa).

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ahli Yang Berhormat itu telah di-jemput dengan chara yang hormat, dengan sa-chara rasmi-nya oleh penyan² daripada pentas kita jemput Yang Berhormat tampil ka-hadapan untuk berchanggong—maka saya sendiri telah bangun untuk membawa Ahli Yang

Berhormat itu, tetapi dia sa-bagai kuching kurap masok bawah meja. (*Ketawa*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, perchakapan kuching kurap itu tidak baik. Saya sudah terangkan orang yang menjemput saya itu dengan hormat, tetapi penari-nya kurang lawa. Jadi saya ta' mahu. Jadi, saya di-tudoh pula kuching kurap—itu tidak patut-lah bagini. Saya ta' pernah bergaduh lagi dengan Menteri ini, malah saya pandang tinggi. Pada hari ini dia menggunakan perkataan itu, saya rasa dia patut tarek balek sa-belum daripada saya create satu² perkara.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya selalu kasehan kapada Ahli Yang Berhormat ini, Tuan Pengerusi. Bukan-lah maksud saya tadi, dia ini macham kuching kurap, tetapi, tabi'at dia masok bawah meja itu, tidak mahu berchanggung, sa-telah menchabar dalam Dewan Ra'ayat ini—itu, macham kuching kurap. Jadi, bagaimana pun, kalau saya telah menyentoh perasaan dia, boleh-lah saya ubatkan-nanti pukul satu, saya boleh jamu dia makan sadikit, kalau dia hendak (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu telah menimbulkan masaalah pemergian kapal haji ini daripada Malaysia ka-Judah. Tuan Pengerusi, pada masa dahulu-nya selalu kapal haji, pelayaran-nya yang pertama bertolak dari tanah ayer ka-Judah sa-belum bulan Ramdhan. Tetapi, semenjak musim haji tahun 1965, tarikh pelayaran kapal haji yang pertama, telah di-ubah dari bulan Sha'aban kapada bulan Shawal yang di-persetujui oleh Jawatan-kuasa Penasehat Haji yang mengandongi wakil² dari tiap² negeri dalam Malaysia ini dan negeri² Singapura dan juga Brunei. Alasan²-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah mulai daripada tahun 1965 ini, musim haji jatoh dalam musim sejok di-tanah suchi, dan hawa di-musim ini sangat-lah sejok. Dan akibat-nya, mengikut laporan daripada Pegawai Perubatan, banyak jema'ah² haji telah mengidap penyakit bronchitis atau pun pneumonia yang sangat merbahaya sa-hingga maut.

Hawa di-Madinah berlebeh² lagi sejkonya, sa-hingga kulit melupas daripada badan. Kumpulan jema'ah² haji yang datang dengan kapal pertama, mestilah pergi ka-Madinah pada awal musim haji, kerana mereka akan pulang ka-tanah ayer dengan kapal pertama juga, ia-itu sa-lepas sahaja menunaikan fardhu haji.

Kedua-nya, kesemua jema'ah² haji dari negeri² lain, sa-lain daripada Thailand sahaja, pergi ka-tanah suchi mulai dari bulan Shawal. Dan kerap kali mereka yang pergi awal sangat itu terlantar di-tanah suchi itu mendatangkan kesusahan² lagi. Alasan² yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hulu itu supaya jema'ah haji datang awal di-Mekah ia-lah supaya mereka dapat kesempatan berpuasa di-sana, dan jika puasa di-sana, satu hari puasa di-Mekah itu, sama-lah saperti kita berpuasa di-Malaysia ini 100 hari. Alhamdullillah, jika saya ta' salah, sahabat saya daripada Bachok, dia sa-orang Islam yang progressive, tidak bagitu sangat bersetuju dengan faham ini. Jadi bagaimana pun alasan yang sa-benar-nya

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu sudah membuat satu statement hendak bagi saya bergaduh dengan parti saya sendiri. (*Ketawa*). Untuk penjelasan—hadith itu ada, tetapi hadith itu ada tingkat²-nya. Satu, hadith yang dinamakan hukum. Satu hadith yang dinamakan to encourage. Sebab itu di-dalam hadith kita ada menyebutkan: (dalam bahasa Arab)—barang siapa meninggalkan sembahyang, dia sudah jadi kafir, erti-nya bagi satu force supaya orang² itu takut jangan meninggalkan sembahyang. Jadi tingkat² hadith ini hanya di-ketahui oleh orang yang mengerti Islam sahaja, dan saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat itu ahli dalam perkara ini.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya tarek balek-lah perkataan saya yang saya katakan dia progressive. Nampak-nya dia sudah jadi conservative balek, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Berhubung dengan sa-orang pegawai yang kita adakan di-Singapura itu,

Tuan Pengerusi, sa-benar nya sunggoh pun Singapura itu bukan pelabohan Malaysia lagi, tetapi semua jema'ah² haji dari Johor naik dan turun di-pelabohan itu. Dan juga besar bilangan jema'ah haji dari Pahang, dari Negeri Sembilan dan juga dari Trengganu juga menggunakan pelabohan ini. Kita mengadakan pegawai di-sana ia-lah untok kemudahan² bakal² haji yang naik, atau pun yang turun daripada kapal haji di-pelabohan tersebut itu.

Tuan Pengerusi, kapal *Kuala Lumpur*—satu masaalah yang telah di-bangkitkan oleh Ahli daripada Kapar, ia-lah sa-besar 12,555 ton dan laju-nya 13 hingga 14 knot. Kapal ini lengkap dengan hospital, dengan alat dingin-nya, dengan bilek operation-nya, potong-memotong-nya dan lain² lagi. Berkenaan dengan laju-nya, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ada kapal boleh belayar ka-Judah sa-lama sembilan hari. Saya telah di-nasehatkan ia-itu kapal yang sa-habis laju di-Timor Jauh ini ia-lah kapal *Citro*, memakan masa sembilan hari ka-Aden. Dan jika ka-Judah akan memakan masa satu sa-tengah hari lagi.

Mengenai masaalah guru ugama dan bilal—tiap² guru ugama itu di-pileh oleh Pejabat Ugama dalam masing² negeri, dan bukan-lah oleh Pegawai Urusan Haji. Bilangan orang² yang mati di-dalam kapal sedikit bilangannya di-dalam satu pelayaran, dan adal ah pelayaran yang tidak ada kematian langsung. Tentu-lah di-antara lebeh kurang 2,000 jema'ah haji itu ada sa-orang daripada mereka itu yang boleh memandikan mayat, jika ada kematian itu berlaku.

Enche' Hamzah bin Alang: Tuan Pengerusi, jika sa-kira-nya di-dalam kapal kalau ada 2,000 orang—ada yang mati ada yang ta' mati. Tetapi kalau ada orang mati—ta' ada bilal yang memandikan mayat, apa-kala ta' ada-lah, apa kita hendak buat?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kalau ta' ada langsung orang hendak memandikan mayat—saya sendiri ta' ada pengalaman, Tuan Pengerusi. Tetapi dalam sa-buah kapal haji, saya rasa kata-lah 500 orang yang ada—

banyak yang pergi haji ini, kalau pun tidak banyak sa-orang dua itu ada yang mengerti. Bukan-lah bererti dia yang patut memandikan mayat ini bilal sahaja. Ustaz kita di-sini, sunggoh pun dia tidak bilal, kalau dia naik haji, dia pun boleh memandikan mayat. Saya pun, kalau saya naik haji—tetapi saya ta' pandai-lah, memandikan mayat ini, boleh-lah memandikan, tetapi masaalah yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu satu masaalah yang patut di-tengok, di-kaji supaya mengelakkan berlaku-nya kejadian saperti ini dan perkara ini akan di-ambil ingatan, saya akan beri tahu kapada pehak yang berkenaan.

Masaalah kebajikan di-Mekah, Tuan Pengerusi, pada tahun 1948—rombongan perubatan mengandongi chuma sa-orang doktor sahaja. Tetapi sekarang ini, sa-lain daripada Duta Besar kita di-sana dan Pegawai²-nya yang menjaga kebajikan jema'ah² haji kita di-sana, rombongan perubatan telah kita perbesarkan, sa-hingga pada masa ini kita ada tiga orang doktor, 10 orang hospital assistant, 10 orang attendant, dan empat orang lagi jururawat. Ubat² yang di-bawa sangat banyak dan jenis-nya ada-lah daripada yang terbaharu sa-kali. Sa-benar-nya kita telah dapat kepujian yang tinggi di-dalam beberapa buah surat khabar di-Saudi Arabia mengenai chara kita menjaga bakal² haji kita di-sana. Bagaimana pun, Tuan Pengerusi, bukan-lah saya katakan tidak ada lapangan yang patut kita perbaiki lagi. Tiap² apa yang kita jalankan itu daripada masa ka-satu masa menghendaki di-perbaiki dengan ada-nya keadaan yang baharu timbul. Dan ini, Kerajaan senentiasa berusaha membuat-nya.

Berhubung dengan kaki-tangan di-dalam kapal, saya telah di-nasehatkan ada 77 orang anak Melayu bekerja dalam kapal *Kuala Lumpur*. Ahli Yang Berhormat tadi telah menimbulkan masaalah mereka yang tidak berpangkat tinggi. Saya tidak dapat-lah memberi penjelasan di-tingkat ini, kerana terpaksa perkara ini saya bertanya kapada mereka yang lain dahulu yang berkenaan, baharu-lah penjelasan yang tepat boleh di-beri.

Masaalah bilangan bakal² haji yang patut kita benarkan pergi, di-sini saya suka menerangkan pada musim haji yang lepas tadi 5,214 orang telah belayar. Tetapi tempat² yang di-sediakan ia-lah sa-banyak 5,374. Jadi tempat² yang kosong ia-lah sa-banyak 160. Saya rasa tidak-lah dapat hendak kita katakan, tentukan, Kerajaan ini sapatut-nya tidak memberi sekatan langsung—tidak memberi quota langsung, kerana perkara ini bukan dia mengenai kita sahaja—mengenai Malaysia sahaja, bahkan mengenai negara² yang lain juga. Jadi banyak masaalah² yang akan timbul jika semua orang itu dengan tidak ada kawalan daripada Kerajaan terus pergi begitu sahaja—akan menimbulkan beberapa perkara yang susah untuk kita selenggarakan bagi kepentingan bakal² haji ini.

Satu perkara yang di-timbulkan, kalau ta' salah ingatan saya tadi, oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat, ia-itu ada telah berlaku mereka yang menghantar permohonan yang agak akhirnya telah mendapat kelas satu, atau pun kelas yang lebih elok daripada mereka yang menghantar permohonan ta' lebih awal dan menghendaki kelas satu atau kelas dua. Boleh jadi perkara ini ada berlaku—saya ta' kata ta' ada berlaku, tetapi, pengalaman saya sendiri, Tuan Pengerusi, suka-lah saya menerangkan di-sini insha'Allah dalam tahun ini ibu saya dengan sa-orang saudara, abang saya, akan pergi haji. Dan saya telah menghantar surat kepada pihak yang berkenaan meminta kerana ibu saya umur dia telah tua, supaya dia di-beri kelas satu. Saya dapat jawapan dukachita oleh kerana semua ini telah kita khaskan untuk mereka yang awal meminta tadi, kita tidak dapat-lah memberi keutamaan. Begitu-lah rupa chara pentadbiran yang saya rasa yang elok betul, yang patut di-buat—siapa dahulu, siapa yang telah mendapat, patut-lah di-beri tempat-nya yang telah di-tempah mereka, bukan-lah memandang daripada segi pangkat, bukan-lah memandang daripada segi hendak pull string di-sini, hendak pull string di-sana dan di-situ—ini pengalaman saya sendiri yang saya sudah rasa, yang dapat saya beri tahu kepada Ahli²

Yang Berhormat di-sini. Pengalaman ini merupakan sa-kurang²-nya, di-Selangor ini, di-dalam Kuala Lumpur ini, tidak-lah saya rasa berlaku perkara² yang tidak di-ingini itu ia-itu memandangkan rupa, memandang pangkat atau pun memandang sama ada sa-orang bakal haji itu keluarga pegawai yang berkenaan.

Chadangan supaya Urusan Haji ini di-serahkan kepada Tabong Haji, Tuan Pengerusi, tidak-lah dapat saya kata chadangan ini di-tolak atau pun diterima. Tujuan mereka ini ada-lah satu tujuan yang elok, yang suka melihat satu sistem yang lebih progressive, satu sistem yang lebih elok untuk kebajikan orang² yang berkenaan. Apa yang saya boleh nyatakan di-sini perkara ini akan serahkan kepada pihak yang berkenaan supaya pihak yang berkenaan itu boleh membincangkan perkara ini, ia-itu di-antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi, kalau saya ta' salah daripada Kuala Trengganu Hulu, atau pun Utara, telah menyentoh masaalah perhubungan dengan negara² Kominis. Foreign Policy, atau pun policy luar negeri kita ada-lah nyata kepada kita sakanian ya'ani kita mesti menyesuaikan dengan keadaan daripada satu masa ka-satu masa, seperti juga policy kita, apa yang kita buat di-dalam negeri kita ini. Bukan-lah bererti bahawa kita tidak mempunyai policy yang tetap—kita mempunyai policy yang tetap, tetapi kita kajian daripada satu masa ka-satu masa. Kita, memang sabaaimana kita ketahui, tidak suka kepada kominis. Kita menentang kominis, sama ada kominis yang memanggil mereka Marxis atau pun Revolutionist atau pun yang lain² nama lagi. Tetapi bagi negara² kominis yang telah menunjukkan keinginan hendak bersahabat, berbaik² dengan kita, hidup berbaik² dengan kita maka kita pun sanggup berbuat demikian. Policy ini telah di-nyatakan tiap² kali, kalau saya ta' salah, dalam Dewan ini oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri. Jadi, itu-lah sebabnya kita nampak ada satu chadangan

hendak menubuhkan perhubungan diplomatic dengan Yugoslavia, hendak mengadakan satu pejabat kita di-Belgrade, dan perkara ini sedang lagi kita bincangkan pada masa ini. Jadi, kesimpulan-nya, mana satu negara sahaja yang mahu bersahabat baik dengan kita, yang mahu bekerjasama dengan kita, kita akan berbuat begitu juga, dengan syarat berbuat demikian, tidak akan merosakkan kepentingan negara kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah tadi telah menyentuh satu masaalah tentang sikap kita menyelesaikan sengketa² di-dalam Asia ini. Ahli Yang Berhormat itu berkata patut-lah kita mengambil initiative supaya penyelesaian akan dapat kita chapai mengenai sengketa di-dalam Asia ini, mithal-nya, dengan Indonesia, atau pun dengan Philipines dan jangan-lah kita menganggap bahawa jika mengambil initiative, maka maruah negara kita akan jatuh atau pun akan hilang—kita tidak bersifat demikian, Tuan Pengerusi. Kita sabuah negara yang sungguh perchaya dan sungguh mengamalkan prinsip² keamanan. Kita telah berusaha mengambil initiative dan lain² lagi, supaya sengketa di-antara negara² Asia ini diselesaikan dengan sa-chara aman dan damai. Sa-benar-nya apa yang telah di-seru oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu supaya segala tingkah laku kita di-dalam international politik ini berdasarkan kepada peratoran yang tertentu—patoh kepada peratoran ini. Ini sa-benar-nya memang telah kita jalankan. Jika kita perchaya yang kita menganut satu prinsip itu, kita sentiasa mengikut prinsip itu—masaalah chara itu masaalah nombor dua. Ini-lah sebab-nya, maka Tunku Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun kita itu telah pergi di-beberapa tempat—di-Manila, di-Tokyo, di-Bangkok, dan kita telah menerangkan di-mana sahaja Bong Karno hendak berjumpa kita untuk menyelesaikan pertikaian—boleh. Tetapi penyelesaian ini menghendaki kedua² pihak, walau pun kita mengambil initiative untuk menyelesaikan sengketa, mithal-nya, dengan Indonesia, jikalau pihak Indonesia ta' mahu, apa kita

hendak buat? Ta' dapat kita hendak buat apa². Penyelesaian menghendaki kedua² belah pihak. Jadi itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, jawapan² kepada masaalah² yang telah ditimbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Akhir-nya, saya suka-lah menyentuh masaalah yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hilir sa-malam, kalau saya tidak salah, mengenai apa yang di-kata-nya kenyataan Tengku Ngah terhadap Duta kita di-Bangsa² Bersatu ya'ani Enche' Ramani. Tidak-lah perlu hendak saya bachakan lagi kata² yang telah di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memada'i-lah saya katakan di-sini, ia-itu ucapan Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah betul. Tuduhan²-nya bahawa Tengku Ngah berkata ia-itu pendirian Enche' Ramani di-Bangsa² Bersatu itu, bukan-lah pendirian yang telah di-arrah daripada Kuala Lumpur. Apa yang di-sebutkan oleh *Utusan Melayu* berkaitan dengan kenyataan Timbalan Setia-usaha Tetap, Kementerian Luar Negeri itu ada-lah chuma saperti berikut sahaja, ya'ani kata-nya Tengku Ngah Mohammad Timbalan Setia-usaha Tetap Kementerian Luar Negeri kita telah berkata di-Kuala Trengganu baharu² ini bahawa kenyataan yang di-buat oleh wakil Malaysia di-Bangsa² Bersatu, Tuan Radakrishnan Ramani, bukan-lah kenyataan rasmi daripada Kuala Lumpur. Tetapi ini apa yang di-katakan oleh *Utusan Melayu*. Yang berikut-nya ia-lah buah fikiran Pengerang *Utusan Melayu* sendiri, dan bukan kenyataan Tengku Ngah sa-bagaimana yang telah di-da'awa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan ucapan Tengku Ngah itu, sa-benar-nya Tengku Ngah tidak berkata bahawa "kenyataan yang di-buat oleh wakil Malaysia di-Bangsa² Bersatu, Tuan Radkrishnan Ramani, bukan-lah kenyataan rasmi dari Kuala Lumpur." Tengku Ngah tidak berkata demikian. Pada masa itu Tengku Ngah berada di-Trengganu dan belum lagi melihat kenyataan Enche' Ramani yang penoh. Apa yang di-katakan oleh Tengku Ngah pada masa itu ia-lah jika sa-kira-nya benar

Enche' Ramani sa-bagai yang di-beritakan telah menyebelahi India, maka kenyataan itu tidak-lah merupakan kenyataan rasmi Kerajaan sa-bagaimana yang di-ketahui kemudiannya sharahan² Enche' Ramani tidak menyebelahi mana² pehak dan menurut dasar Kerajaan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, ada-kah ini bererti bahawa pehak Kerajaan telah memandang berita yang di-buat dalam *Utusan Melayu* sa-bagai tidak betul dan mengelirukan, sa-hingga timbul perkara ini di-dalam Dewan yang mulia ini dan apa-kah tindakan Kerajaan terhadap surat khabar yang menimbulkan satu perkara yang besar dan kenyataan yang tidak betul bagitu?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah mengambil kesimpulan apa sahaja yang di-sukaï-nya daripada kenyataan yang saya beri dan yang akan terus saya beri ini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak jawapan yang tegas, jangan menyuroh saya deduce di-situ. Itu takut erti-nya. Kata betul² macham itu, saya menerima. Kata betul²!

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya tidak sangka dia ini tidak sekolah Melayu dahulu, Tuan Pengerusi. Kalau dia sekolah Melayu, dia mengerti-lah yang betul²-nya maksud² yang saya sebutkan tadi. Saya telah katakan berkenaan dengan ucapan Tengku Ngah itu sa-benar-nya Tengku Ngah tidak berkata bahawa "Kenyataan yang di-buat oleh wakil Malaysia di-Bangsa² Bersatu, Tuan Radakrishnan Ramani, bukan-lah kenyataan rasmi dari Kuala Lumpur." Tengku Ngah tidak berkata demikian.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Kerajaan nullify statement—berita—yang di-buat oleh *Utusan Melayu* itu.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Apa erti lain yang patut di-ambil daripada itu?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Bagitu yang saya hendak itu.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ya-lah. Ini macham budak² darjah satu lagi. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya rasa patut-lah mendapat penjelasan yang sa-benar dan memberi perbezaan apa yang di-kata dalam surat-khabar bukan mesti-nya merupakan kenyataan yang sa-benar-nya daripada sa-orang Pegawai. Saya rasa jikalau bagini-lah keadaan-nya, patut-lah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu menarek balek tuduhan² yang mengatakan bahawa Tengku Ngah Mohammed telah membuat satu kenyataan berkenaan dengan ucapan Enche' Ramani seperti yang di-bacha oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sa-benar-nya saya telah di-beri tahu Ahli Yang Berhormat itu membacha daripada *Utusan Melayu* juga. Yang sa-benar-nya apa yang di-bacha-nya ialah buah fikiran Pengarang *Utusan Melayu* sendiri sa-bagaimana yang telah di-terangkan tadi. Perkara yang sa-macham ini tidak patut di-biarkan di-dalam Dewan yang ber-bahagia ini, terutama sa-kali terhadap kakitangan Kerajaan yang tidak berhak dan tidak dapat hendak menjawab segala² tuduhan yang seperti itu di-dalam Dewan ini. Dengan hal yang demikian perkataan² yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas itu, saya rasa patut-lah ditarek balek, kerana ini bukan-lah kenyataan yang sa-benar-nya di-sebut oleh Timbalan Setia-usaha Tetap Kementerian Luar Negeri itu Demikian-lah sahaja.

Question put, and agreed to.

That the sum of \$12,877,045 for Head S. 21 and the sum of \$247,583 for Head S. 22 ordered stand part of the Schedule.

House resumed.

Mr Speaker: Saya menyatakan ia itu Jawatan-kuasa Pertimbangan Perbekalan tahun 1966 telah berjaya hingga S. 22 di-dalam perbekalan tahun 1966.

Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 10.00 pagi hari Ithnin, 6 haribulan Disember.

Sitting adjourned at 1.16 p.m.